

L A P O R A N T A H U N A N

2 0 1 8

ada perubahan persekitaran. • Kre-
an idea baharu dan unik bagi men-
sikap positif kepada teguran yang
nan persekitaran kerja dan tanggu-
disiplin tugas dan etika bidang kep-
mimpin dan me-

< UMK ; Prof. Ts
Nurainul Bismi
bin Hashim, Tu-
9 Hak cipta ada
sia Kelantan, ap-
an National Ma-
ngkasan Kedud-
hendaklah dise-
objektif-objektif
aklumat meng-
T UNIVERSITI
2006 oleh Perc-
ri Kelantan Dar-
; teras diberi penekanan iaitu keusa-
y yang berkualiti tinggi dan berma-
eneraju pembangunan insan seim-
ekitaran kondusif serta memenuhi
jatan dan mengoptimumkan perb-

iti harus digun-
a peluang-pel-
embina sebag-
jawab. Profes-
aran. Warfa uni-

nail, Mazula bin
i binti Shamsud
eh, Khuzaiton L
bahagian darip-
yaya Kewangar
Lot 13A-D, Jale
restasi Tahunar
maklumat men-
ang ringkas dar-
emahaman mei-
dan bantuan f-
LATAR BELAKA
ika itu, YAB, Da-
kulum pengajar-
wanan dan perniagaan, agro Indus-
iat untuk kesejahteraan global. Pe-
ng dan holistik bercirikan keusah-
nggungjawab sosial. Slogan • Keus-
ajaan yang dapat menyokong kele-

abudin, Azman
Ahmad Fadzil t
Zakaria, Noradi
terbitan ini tida-
PKJ Universiti M-
adang Tembak
dan-badan Ber-
sai pencapaian s-
dat yang dapat
mberi gambaran
objektif, fungsi
rbaran mengen-
ersiti Malaysia L
Seri Abdullah hi-

i Hashim & Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh / JAWATANKI
Abd. Rashid & Engku Fadilah binti Engku Ismail / JAWA
Binti Ismail & Normawati Binti Mohamad / JAWATAF
oleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran
aysia Kelantan Bagi Tahun 2018 Diterbitkan oleh: Se-
wasan Perindu:
un Persekutua
enar dari segi ol-
mberi gambaran
objektif, fungsi
rbaran mengen-
ersiti Malaysia L
Seri Abdullah hi-

terkara ini adala-
tif agensi yang
ntang prestasi
operasinya teri-
edudukan kewa-
antan atau ringi-
emudiannya dil-
didikan keusah-
nologi kreatif d
peningkatan k-
aan global. Misi
• Transformati
ademik dan Ant

ngkalan Chepa
agi membolehkan
etapkan. Maklur
seluruhan agen-
suk program, ak-
an secara kesel-
nya UMK meru-
sikan penubuha-
inan (entrepre-
warisan, dan pe-
ayaan dan ker-
mi menyediaka
* Entrepreneur
ibangsa; Memb

tetapi kehendak
IK perlu bersedi
ng fleksibel, se-
dalam bidang k-
ngamalkan sikar
AN TAHUNAN L
A PELAPORAN
NKUASA LAPOF
ASA PENERBIT
ada bentuk lain
en Penerbitan
ntan Darul Nair
lemaah Menteri
ini adalah untu
ari segi penguru-
ti dan projek yar-
nan; dan Membe-
an Institusi Pen-
alam Mesyuarat
ship education).
atan veterinar, f
puan perusaha-
ogram akademik
ExcellentObjek-
un program pei-

(UMK) : Raja A
KEWANGAN (L
DAN REKABEN
ada bentuk lain
orot, Penerbit I
ngetanusu seca
embolehkan Je
kewangan, ke-
jalankan separ
naklumat meng
... ..

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
www.umk.edu.my



Penghargaan dan Jutaan Terima Kasih Kepada

JAWATANKUASA INDUK PENYEDIAAN NJM, MJM & LTPK UMK: Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Mazula binti Sabudin, Azman bin Hashim & Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh / **JAWATANKUASA PELAPORAN PTJ (UMK):** Raja Azlan bin Raja Ismail, Rosmira binti Ayub, Noraini binti Idris, Siti Aisah binti Yusop, Normawati binti Mohamad, Noradilah binti Ismail, Puteri Nurainul Bismi binti Jondi, Nur Hernani binti Shamsuddin, Ahmad Fadzil bin Abd. Rashid, Lidyawati Husniza binti Mohd Zahari & Engku Fadilah binti Engku Ismail / **JAWATANKUASA LAPORAN KEWANGAN (UMK):** Junaidah binti Badar, Rozana binti Saedon & Elianie binti Ali / **JAWATANKUASA EDITORIAL BAHASA DAN DATA PELAPORAN:** Azman bin Hashim, Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh, Khuzaiton binti Zakaria, Noradilah Binti Ismail & Normawati Binti Mohamad / **JAWATANKUASA PENERBITAN DAN REKABENTUK:** Azman bin Hashim, Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh, Yusroyka bin Karim & Mohd Faris bin Fauzi / **JURUFOTO:** Mohd Al Azam bin Mat Razi

Hakcipta terpelihara PENERBIT UMK 2019

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK)
Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2018

Diterbitkan oleh:

Seksyen Penerbitan Korporat, Penerbit UMK,
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,
Karung berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu
Kelantan

Dicetak oleh:

Percetakan National Malaysia Berhad (PNMB)
Lot 13A-D, Jalan Padang Tembak,
Kawasan Perindustrian Mara,
16100 Pengkalan Chepa,
Kelantan Darul Naim
Malaysia.

ISI KANDUNGAN



Isi Kandungan	Muka Surat
1. PENGENALAN	01
2. MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	
i. Latar belakang universiti	05
ii. Visi & Misi	06
iii. Slogan	06
iv. Objektif	07
v. Logo & Falsafah	08
vi. Teras Strategi Pembangunan UMK	09
vii. Tuanku Canselor	13
viii. Tengku Pro-Canselor	15
ix. LPU 2018	16
x. JPU 2018	18
xi. Senat UMK 2018	19
3. BAB 1 : RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR UMK 2018	21
4. BAB 2 : VARIASI GEMILANG UMK 2018	27
5. BAB 3 : RINGKASAN PENCAPAIAN UMK 2018	35
6. BAB 4 : ANALISIS PRESTASI KEWANGAN UMK 2018	37
7. BAB 5 : PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT UMK 2018	63
8. BAB 6 : PEMERKASAAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PENTADBIRAN UMK	105



PENGENALAN

UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN



PENGENALAN



Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 2004 – Pindaan Kepada Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1995 Mengenai Penyediaan Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan Badan-badan Berkanun Persekutuan. Perkara ini adalah bagi membolehkan Jemaah Menteri mengetahui secara umum kedudukan kewangan dan prestasi sesuatu badan berkanun itu dengan lebih awal.

Badan-badan Berkanun Persekutuan (BBP) hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat mengenai pencapaian sebenar dari segi objektif agensi yang ditetapkan. Maklumat ini adalah untuk membolehkan Jemaah Menteri menilai prestasi agensi dari aspek - aspek kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan *output* utamanya. Laporan ini hendaklah disediakan dalam bentuk yang ringkas dan padat yang dapat memberi gambaran tentang prestasi keseluruhan agensi dari segi pengurusan kewangan, kecekapan dan keberkesanan operasi-operasi serta kualiti *output*.

Laporan Tahunan yang disediakan oleh setiap BBP seharusnya memenuhi objektif-objektif berikut:

- Membantu pemahaman mengenai sesebuah BBP, objektif, fungsi dan operasinya termasuk program, aktiviti dan projek yang dijalankan sepanjang tahun;
- Memberi maklumat mengenai matlamat dan faedah program, aktiviti dan projek serta sejauh mana ianya tercapai;
- Memberi maklumat mengenai tahap sumbangan dan bantuan Kerajaan;
- Memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan secara keseluruhan; dan
- Memberi maklumat mengenai kejayaan yang diperolehi dalam meningkatkan taraf hidup golongan sasaran khususnya dari aspek sosioekonomi



MAKLUMAT
KORPORAT

UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN





LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi.

Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*). Oleh itu, frasa rangsangan "*Entrepreneurship is Our Thrust*" digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro Industri dan sumber asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan pembangunan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (*Capability and capacity Buliding of SMEs*) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.

“
*Entrepreneurship
is Our Thrust*
”



VISI

- Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

MISI

- Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

SLOGAN

- Keusahawanan Teras Kami
- *Transformative *Entrepreneurial *Excellent*



OBJEKTIF

- Sumber Manusia; Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional.
- Kewangan; Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti
- Akademik dan Antarabangsa; Membangun program pengajian serta aktiviti akademik universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.
- Penjenamaan; Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara.
- Penyelidikan dan Inovasi; Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti.
- Keusahawanan dan Sosioekonomi; Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri.
- Tadbir Urus dan Transformasi Penyampaian; Memperteguh tadbir urus yang efisien dan sistematik serta membangun infostruktur bagi menyokong persekitaran kodusif.



LOGO & FALSAFAH



- Logo Universiti Malaysia Kelantan (UMK) simbolik kepada penekanan kepada huruf "U", "M" dan "K". Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk *hour glass* pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*)
- Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna "biru" adalah untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "jingga" warna semula jadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan.

Logo ini didokong oleh Falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu :-

- Pendidikan keusahawanan;
- Bahasa ketiga ICT sebagai pengupaya;
- Pembelajaran sepanjang hayat;
- Modal insan yang berkualiti; dan
- Keunikan dan relevan.



TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN UMK

- Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik Universiti;
- Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan;
- Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri

NILAI TERAS ORGANISASI

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah seperti berikut :

- Kreatif dan inovatif;
- Kesiediaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta
- Bersikap profesional dalam segala tindakan.





KREATIF DAN INOVATIF

- Warga UMK harus sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baharu dalam penawaran perkhimatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.



- Kreativiti harus digunakan dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga UMK wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baharu dan unik bagi mencipta peluang-peluang baharu.



KESEDIAAN UNTUK MEMBUAT DAN MENERIMA PERUBAHAN

- Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baharu untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pementapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga UMK wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

PROFESIONAL

- Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited serta bersyukur dan redha. Akhirnya, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas.



TUANKU
CANSELOR

YANG MAHA MULIA
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ
PETRA
IBNI SULTAN ISMAIL PETRA

YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA KELANTAN
D.K., S.P.M.K., D.M.K (KEDAH), Ph.D. (UCL)



TENGGU
PRO-CANSELOR

YANG BERHORMAT MULIA
TENGGU TAN SRI DATO' HAJI
MOHAMAD RIZAM
BIN TENGGU ABDUL AZIZ

D.K. (KELANTAN), P.S.M., S.P.M.K., S.J.M.K., P.A.T.
TENGGU TEMENGGONG KELANTAN



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 2018

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah berlandaskan Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]. Komposisi ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2018 adalah sebagaimana berikut:

Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hamad Kama Piah bin Che Othman





Ahli



Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



Cik Norina binti Jamaludin
Pengarah Bahagian
Governan IPTA, Kementerian
Pendidikan Malaysia



Dr. Wan Farisan bin Wan Sulaiman
Ketua Seksyen, Seksyen
Economics Modelling Dan Kajian
Polisi Awam, Bahagian Fiskal Dan
Ekonomi, Kementerian Kewangan
Malaysia



Dato' Azmi bin Mohd Ali
Rakan Kongsi Kanan, Azmi
& Associates, Advocates &
Solicitors



Datin Paduka Kartini binti Haji Abdul Manaf
Pengurus Timbalan Presiden
Pelaburan Strategik
Permodalan Nasional
Berhad



Dato' Haji Nazran bin Muhammad
Setiausaha Kerajaan Negeri
Kelantan



Prof. Dr. Safa'ai bin Deris
Pengarah Pusat Komputeran
Dan Informatik Universiti
Malaysia Kelantan



Encik Zulkifli bin Mohd Zan
Pengurus Berkat
Usahasama NZ Resources
& Real Design & Printing
Centre



18

Laporan Tahunan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2018

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI 2018



Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



Prof. Dr. Mohd. Rafi bin Yaacob
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



Prof. Dr. Zaliman bin Sauli
Timbalan Naib Canselor (Hal
Ehwal Pelajar & Alumni)



Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



Pauzi bin Pak Chu
Pendaftar



Junaidah binti Badar
Bendahari



Azman bin Hashim
Ketua Pustakawan



Nor Azli bin Ahamed
Penasihat Undang-Undang



AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2018

Pengerusi

Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar
Naib Canselor

Ahli

Prof. Dr. Mohd. Rafi bin Yaacob
Timbalan Naib Canselor (Akademik &
Antarabangsa)

Prof. Dr. Zaliman bin Sauli
Timbalan Naib Canselor (Hal
Ehwal Pelajar & Alumni)

**Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim bin Che
Omar**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan
& Inovasi)

Ahli

(Dekan Fakulti & Semua Ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat,
Akademi, Institut, Universiti)

**Prof. Madya Dr. Zailani bin
Abdullah**
Dekan Fakulti Keusahawanan Dan
Perniagaan

**Prof. Madya Ahamad Tarmizi bin
Azizan**
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif Dan
Warisan

**Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin
Goriman Khan**
Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

**Prof. Madya Dr. Fatimah binti
Changgrok @ Kayat**
Dekan Fakulti Industri Asas Tani

Prof. Madya Dr. Aweng a/l Eh Rak
Dekan Fakulti Sains Bumi

Dr. Shardy bin Abdullah
Dekan Fakulti Seni Bina Dan Ekistik

**Prof. Madya Dr. Ghazali bin
Ahmad**
Dekan Fakulti Hospitaliti,
Pelancongan Dan Kesejahteraan

**Prof. Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham
bin Abdul Aziz**
Dekan Fakulti Biokejuruteraan Dan
Teknologi

Prof. Dr. Razli bin Che Razak
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

**Prof. Madya Dr. Nora'ani binti
Mustapha**
Dekan Malaysian Graduate School Of
Entrepreneurship And Business

**Prof. Dr. Mohd Rosli bin
Mohamad**
Dekan Prasiswazah

Dr. Burhan bin Che Daud
Pengaruh Pusat Pengajian Bahasa
Dan Pembangunan Insaniah

Prof. Madya Dr. Suria binti Baba
Pengaruh Pusat Pengajaran Dan
Pembelajaran

**Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin
Ibrahim**
Pengaruh Pusat Pendidikan Luar
Universiti Malaysia Kelantan

**Prof. Madya Dr. Mohd Nor
Hakimin bin Yusoff**
Pengaruh Institut Perusahaan Kecil
Dan Sederhana



20

Laporan Tahunan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2018

Profesor

Prof. Dr. Safa'ai bin Deris
Profesor Fakulti
Biokejuruteraan Dan
Teknologi

**Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik
Muhammad**
Profesor Fakulti Keusahawanan Dan
Perniagaan

Ahli Yang Diko-Opt Oleh Naib Canselor

**Prof. Ir. Dr. Shah Nor bin
Basri**
Fakulti Biokejuruteraan Dan
Teknologi

**Prof. Madya Dr.
Mokhtarrudin bin Ahmad**
Profesor Madya Pusat
Pengajian Bahasa Dan
Pembangunan Insaniah

**Prof. Madya Dr. Mohd
Zain bin Mubarak**
Profesor Madya Pusat
Pengajian Bahasa Dan
Pembangunan Insaniah

Ahli Ex-Officio

Pauzi bin Pak Chu
Pendaftar/ Setiausaha

Junaidah binti Badar
Bendahari

Azman bin Hashim
Ketua Pustakawan

Nor Azli bin Ahamed
Penasihat Undang-Undang



B A B 1 :

RINGKASAN EKSEKUTIF NAIB CANSELOR UMK 2018





Alhamdulillah, bersyukurkehadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya tahun 2018 telah melakar banyak kenangan manis bagi membangunkan sebuah Universiti Keusahawanan.

Kini Universiti Malaysia Kelantan telah mencapai dua belas (12) tahun usia penubuhannya semenjak dari 2006. Universiti Malaysia Kelantan mempunyai banyak kekuatan yang boleh kita banggakan dan seterusnya dimanfaatkan demi kecemerlangan bersama. Saya optimis, untuk memastikan UMK berada di atas landasan yang tepat dan seterusnya signifikan dalam memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan global serta kekuatan UMK perlu diperkasakan secara lebih berstrategi, termasuklah dari aspek sistem sokongannya.


Pada tahun 2018 penawaran program akademik berteraskan keusahawanan iaitu sebanyak 12 jam kredit telah ditawarkan dalam semua program akademik pada peringkat prasiswazah UMK. Program Veterinar dan Sains Bumi di mana UMK merupakan hanya dua buah universiti awam (UA) daripada 20 yang menawarkan program tersebut. Selain itu, gabungan kekuatan program sains seperti agro-tech, bio-engineering, veterinar dan program sains sosial seperti keusahawanan, pelancongan, teknologi kreatif dan warisan mampu menghasilkan inovasi dan aspek pengkomersialan. Pengajaran dan Pembelajaran Era Baharu khususnya berkaitan Revolusi Industri 4.0 seperti Massive Open Online Courses (MOOC) di mana UMK merupakan antara universiti awam yang terkehadapan dalam aspek perlaksanaannya boleh melonjakkan Pembelajaran dalam Talian pada tahap Global. Terbaharu UMK telah memenangi empat (4) pingat emas dalam pertandingan K-Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran 4.0 selain anugerah Reka bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) 2018.



Pada tahun 2018 kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability- GE*) meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebagai contoh bandingan, peningkatan sebanyak 12% bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017, iaitu daripada 58% kepada 70%. Selain itu juga, kejayaan ramai pelajar dan alumni UMK dalam bidang keusahawanan iaitu berdasarkan statistik yang ditunjukkan pada tahun 2018, sebanyak 376 buah syarikat siswa universiti (SSU) telah ditubuhkan yang melibatkan pelajar seramai 703 orang pelajar. Selain itu, UMK juga telah mempunyai ramai alumni yang berjaya dalam bidang keusahawanan, antaranya ialah Encik Hakimullah Khabilu yang menubuhkan Ruby Coffee Enterprise dan Khabilu Sdn. Bhd. Begitu juga dengan Encik Muhammad Hafizuddin Hiew bin Abdullah yang merupakan CEO dalam

Tunas Duta Cemerlang Sdn. Bhd. UMK juga tersenarai sebagai finalis dalam dua (2) kategori berbeza dalam pertandingan "*Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018*".

Dalam Penyelidikan dan Inovasi iaitu jumlah peruntukan geran penyelidikan yang bertambah dari tahun ke tahun. Contohnya, jumlah geran penyelidikan yang diperoleh pada tahun 2018 adalah RM4,469,944.00 berbanding RM3,287,250.61 pada tahun 2017 dan ini tidak termasuk peningkatan bilangan sebagai ketua projek. Jumlah penerbitan artikel dalam artikel jurnal berindeks yang meningkat dari tahun ke tahun yang memantapkan keazaman dan kemahiran ahli akademik UMK dalam penulisan ilmiah berimpak tinggi, dan ini belum mengambil kira dari aspek sitasi artikel yang juga semakin meningkat. Apa yang boleh dibanggakan ialah UMK berjaya mengumpulkan rakan strategik yang berpengaruh untuk bersama dengan UMK dalam aspek keusahawanan melalui *AGE Council* dan mempelawa pakar industri untuk berkongsi pengalaman melalui program *Chairman Lecture Series (CLS)* melalui jaringan dengan pemegang taruh dan rakan strategik yang berfokus. Hasil daripada konsep penyelidikan translasi, UMK juga telah bergerak pantas dalam menghasilkan pelbagai inovasi daripada penyelidikan dalam bentuk produk yang boleh dikomersialkan. Antaranya ialah Motan, NMACom dan banyak lagi yang tidak disebut di sini. UMK juga mempunyai empat (4) buah Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence- CoE*) yang mempunyai fokus berbeza, iaitu Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre (GERIC), Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Institute of Food Security and Sustainable Agriculture (IFSSA), dan Institute for Artificial Intelligence and Big Data (AIBIG). Jelas saya dapat lihat kekuatan yang boleh membawa UMK menjadi peneraju dalam bidang disebutkan.





Pada tahun 2018, sebanyak tiga puluh satu (31) judul buku telah dihasilkan dan dua (2) anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dimenangi iaitu Anugerah Buku Negara Kategori Buku Matematik dan Anugerah Reka bentuk Kulit Buku Tercantik sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Dari segi kewangan pula melalui perkhidmatan bayaran pelanggan telah *decentralized* iaitu perkhidmatan.





yang melibatkan pelanggan di peringkat operasi mengikut Kampus bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Pencapaian bagi perkhidmatan ini adalah 100% tuntutan bayaran pembekal yang lengkap dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen pembayaran dari PTJ, 100% tuntutan perjalanan staf yang lengkap dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penghantaran borang tuntutan dan 99% pembayaran dibuat menggunakan kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT). Walau bagaimanapun, sistem tanpa tunai ke arah *Cashless University* telah diperkenalkan dan menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik dalam urusan penerimaan wang bagi mengelakkan tunai di kaunter dan memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran di antaranya ialah *Bill Presentment* – Pelajar boleh membuat bayaran yuran pengajian melalui ATM Bank, *online banking* dan kaunter bank, JomPay – bayaran melalui mana-mana bank, QR Code – penerimaan wang sedekah dan terminal kad debit dan kad kredit – pembayaran melalui kad bank. Pencapaian bagi sistem ini adalah 100% pembayaran yuran pengajian oleh pelajar dan lain-lain terimaan dapat dikenal pasti.

Secara peribadinya, saya akan terus berusaha untuk mencemerlangkan agenda Universiti Malaysia Kelantan, tetapi tidak mungkin untuk saya mampu melaksanakan secara bersendirian. Untuk memastikan kejayaan UMK, saya sangat memerlukan sokongan sepenuhnya daripada seluruh Pengurusan dan warga Universiti Malaysia Kelantan. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pengurusan dan warga Universiti yang telah bekerja kuat untuk memastikan setiap perancangan kita dapat dijayakan dengan sempurna. Kita semua menyedari tugas semakin berat dan cabaran kita semakin meningkat, namun dengan berkat usaha gigih, doa dan sokongan daripada semua pihak, saya yakin tugas berat ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Semoga segala usaha kita sentiasa mendapati keberkatan dan pertolongan daripada Allah SWT.

“Memperkasakan UMK sebagai sebuah Universiti
Keusahawanan yang unggul”

Kita#BinaLegasiUMK Bersama
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



B A B 2

VARIASI GEMILANG UMK 2018



- **Graduate Employability (GE)**

Pencapaian *Graduate Employability* (GE) UMK 2018 telah menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 70% melebihi sasaran berbanding tahun 2017 iaitu 58%. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan hubungan erat penyelar GE dengan pihak fakulti dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti *Program Finishing school* kepada pelajar tahun akhir berfokus kepada penerangan Sistem Kebolehpasaran Graduan (SKPG 1) KPM. Final Attack Bakal Graduan UMK 2018 dilaksanakan secara efisien dan berkesan terhadap 2,721 graduan supaya lebih memahami kepentingan SKPG KPM.

- **Istiadat Konvokesyen**

UMK telah berjaya melahirkan graduan seramai 2,721 orang iaitu 2,618 adalah daripada graduan Sarjana Muda, 93 graduan Sarjana dan 10 orang daripada graduan Ph.D pada Istiadat Konvokesyen kali kelapan yang telah berlangsung di UMK kampus Kota bertarikh 13 - 17 Oktober 2018.

- **Sitasi Kumulatif Staf Akademik**

Peningkatan jumlah sitasi kumulatif bagi staf akademik di UMK pada tahun 2018 turut meningkat iaitu sebanyak 4.8 berbanding 3.25 pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan aktiviti penerbitan berindeks di peringkat universiti hasil daripada bengkel-bengkel penerbitan berindeks yang telah dijalankan pada tahun 2018. Selain itu juga, produktiviti penerbitan berimpak tinggi juga menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah sitasi ini.

- **Anugerah AKRI 2018**

UMK diumumkan sebagai Johan dan menerima RM10,000.00 di majlis Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Reka bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018 (AKRI 2018)

untuk Integrasi Kursus berasaskan kemahiran dengan teknik "*MOOC in MOOC*" melalui model reka bentuk Edutainment kepada pembelajaran berteraskan E-Projek (ePROJBL).

- **International Seminar on Entrepreneurship and Business 2018.**

Seminar ini bertujuan membantu fakulti menjana pendapatan bagi menyokong kelestarian pembangunan universiti. Selain itu juga, ia memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran terkini dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Sekali gus membuka jalan kepada UMK, khususnya Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) bagi menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa disamping mampu mempromosikan UMK dan FKP khasnya sehingga ke peringkat global.

UMK telah berjaya menjalinkan Kerjasama strategik antara UMK dengan Bank Islam Berhad dan Kolej Universiti Islam Selangor selaku penganjur bersama serta penajaan selain akan diadakan MoU antara Universitas Andalas dan Universitas Jayabaya, Indonesia. Impak seminar ini telah menyumbang kepada peningkatan jumlah penerbitan dalam kalangan Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.

- **Multidisciplinary Research on The Entrepreneurship and Business Colloquium.**

Kolokium bertujuan memberi pendedahan kepada para mahasiswa tahun akhir berkaitan pembentangan kajian di peringkat kolokium untuk meningkatkan kefahaman dan semangat mereka tentang kajian yang berimpak tinggi dan dokumentasi kajian masing-masing. Menerusi Kolokium Prasiswazah yang telah dijalankan ini, Fakulti telah berjaya mengumpulkan 165 kertas artikel yang diterbitkan menerusi Prosiding mengikut Program SAK, SAR, SAL dan SAB yang melibatkan seramai 660 orang pelajar tahun akhir.



- **Program Mobiliti Inbound 2018 Malaysia (UMK) & Indonesia (Universitas Andalas).**

Objektif program adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar UMK menimba pengalaman bersama pelajar Universitas Andalas, (Unand) dalam setiap aktiviti dan program yang dianjurkan. Ia juga telah mendedahkan para pelajar kepada proses pembelajaran dan kepelbagaian pengalaman budaya dalam persekitaran yang berbeza di antara UMK dan Unand untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan. Sekali gus mampu membina atribut pelajar agar berpandangan jauh dan memahami isu-isu merentasi sempadan dan mengeratkan hubungan kerjasama strategik di antara UMK dan Unand.

- **UMK memperoleh Pingat Emas bagi kategori Best Booth Award dan 3rd Prize Best Creative Award di Program 13th Persatuan Arkitek Malaysia Annual Architecture Student Works Exhibition 2018 (PAASWE 18)**

Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia bertujuan mempamerkan hasil kerja pelajar senibina yang melibatkan semua Institusi Senibina seluruh negara.



- **Fakulti Senibina dan Ekistik UMK telah dilantik sebagai Perunding Lanskap bagi Projek Rekabentuk Landskap Dataran Cheng Ho, Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu.**

Projek ini bermula pada 09 Ogos 2017 dengan melakukan kerja-kerja pengumpulan data, kajian analisis dan pembentangan cadangan reka bentuk kepada Majlis Pemandaran Kota Bharu (MPKB). Projek ini dipecahkan kepada dua fasa iaitu fasa I telahpun siap pada tahun 2018. Fasa II belum lagi dijalankan dan sedang menunggu arahan daripada MPKB. Projek ini dipecahkan kepada dua iaitu perundingan bagi Projek Fasa I sebanyak RM23,000.00 dan Fasa II sebanyak RM12,000.00. dengan jumlah keseluruhan projek ialah RM35,000.00.



- **Projek Khas Dokumentasi Adat Istiadat dan Sejarah Kesultanan Diraja Kelantan 2017 (Fokus Pemakaian Pingat dan Adat Istiadat)**

Projek Khas Dokumentasi Adat Istiadat dan Sejarah Kesultanan Diraja Kelantan 2017 (Fokus Pemakaian Pingat dan Adat Istiadat) ini merupakan satu projek yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersama pihak Istana Kelantan bagi tujuan penerbitan Buku Garis Panduan Mengenai Pemakaian Pingat dan Adat Istiadat Kesultanan Diraja Kelantan.

- **Memorandum Persefahaman di antara UMK dan Kerajaan Negeri Kelantan (Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan-JPNK)**



UMK dan JPNK telah bersetuju untuk mengadakan program dan aktiviti pengurusan, pembangunan, penyelidikan dan pemaju teknologi berhubung pengurusan, pembangunan dan pengusahasilan sumber hutan, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, kepelbagaian biologi dan alam sekitar serta pengurusan dan pembangunan industri berasas kayu dan bukan kayu.

Melalui perjanjian ini juga Kerajaan Negeri dan UMK bersetuju untuk bekerjasama menyediakan latihan untuk kakitangan dan pelajar menjalankan latihan praktikal termasuk bidang-bidang lain yang bersesuaian tertakluk kepada persetujuan bersama. Selain itu, fokus kerjasama ini

juga termasuk pembangunan produk dan keusahawanan berhubung industri produk dan penggunaan hasil hutan berasas kayu dan bukan kayu, produk bioteknologi berasas sumber hutan dan eko-pelancongan berasaskan hutan.

- **Anugerah Emas dan Gangsa Penyelidikan dan Inovasi**

Produk N-Macom (Nano-Magnetic Adsorbent Composite) dan satu (1) pingat gangsa untuk produk Nefeli Natural Tropical Fruits Vinegar di iENA International Trade Fair 2018, Nuremberg, German. iENA 2018 ialah satu persidangan dan pertandingan ciptaan inovasi yang telah diadakan semenjak tahun 1948. Ia merupakan salah satu pertandingan inovasi tertua di dunia. Objektif penglibatan UMK dalam persidangan ini adalah untuk memperkenalkan produk penyelidikan UMK di persada antarabangsa. Selain itu, ia juga merupakan satu peluang untuk memasarkan produk UMK ke luar negara sekali gus memberi pulangan pendapatan kepada universiti dan juga negara.

- **Anugerah Emas Penyelidikan dan Inovasi**

Produk AcBioC, *Innovative of Teaching and Learning in Technology Based Entrepreneurship* dan VHySOL di Malaysia Technology Expo (MTE). Anugerah yang diterima ini akan dikira dalam Malaysia Research Assessment (MYRA) dan ia juga bertujuan mempromosikan kepakaran yang ada dalam kalangan penyelidik UMK. Manakala anugerah Japan Intellectual Property Association Award telah diberikan kepada produk VhySOL.

- **Anugerah Emas Penyelidikan dan Inovasi**

Produk Model Lestari Inovasi Rumah Burung Walet, produk SMART OKU 2U: Mobile Apps for Enterprise and STARTUP OKUs, and *Donation-based Crowdfunding* Platform serta produk



Singgora Roof Tile di International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018. ITEX mampu meningkatkan peluang untuk mengkomersialkan inovasi yang telah dihasilkan selain mempromosikan kepakaran yang ada dalam kalangan penyelidik. Anugerah yang dimenangi ini akan dikira dalam *Malaysia Research Assessment* (MYRA).

HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

Pada tahun 2018, UMK telah mendaftar sebanyak 37 permohonan pemfailan harta intelek dan hanya dua (2) produk telah mendapat sijil/*granted* daripada pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu bagi reka bentuk industri. Manakala yang lain masih lagi dalam proses pendaftaran di MyIPO. Bilangan ini turut mengambil kira permohonan tahun 2017. UMK juga telah mengambil inisiatif mengadakan bengkel kesedaran harta intelek untuk menggalakkan penyelidik menghasilkan output yang mampu meningkatkan aktiviti pendaftaran harta intelek pada masa hadapan.

Tahun 2018 mencatatkan kejayaan sekali lagi dimana produk N-Macom telah menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Future Excel Plt. Jalinan kerjasama ini adalah untuk menghasilkan produk rawatan air bagi kegunaan industri. Pada masa kini, Syarikat Future Excel Plt sedang dalam permohonan untuk mendapatkan geran *Commercialisation of Research and Development Fund 1* (CRDF) daripada *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC). Geran ini adalah bagi menjalankan kajian pasaran dan teknologi bagi memastikan produk ini mempunyai pasaran serta teknologi yang dihasilkan mematuhi peraturan sedia ada. Bagi produk AcBioC pula, pengkomersialan secara perlesenan akan dijalankan bersama dengan Syarikat Green Impian Brothers Solution (GIBS) dengan nilai pelesenan sebanyak RM 12,000.00 selama tiga tahun. Kedua-dua produk ini adalah hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi Bin Abdullah.



Rajah Sesi perbincangan bersama MTDC, Future Excel dan Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi Bin Abdullah

Pejabat CICO juga telah mengenal pasti beberapa produk yang telah menjalinkan kerjasama dengan industri untuk tujuan pengkomersialan; Aquasen, Nefeli dan Soft Gelatin Madu Kelulut. Ketiga-tiga produk ini telah mengadakan kerjasama bagi memasarkan inovasi ini dalam jangka masa terdekat. Walaupun tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 10 produk, namun begitu dengan kerjasama semua pihak, 3 produk akan mampu dikomersialkan pada tahun ini.

INOVASI	PENYELIDIK	KERJASAMA
Aquasen	Dr. Mohamad Faiz Bin Mohd Amin	Aquasen merupakan satu alat pemantauan kualiti kolam ternakan ikan (tawar dan masin) yang berasaskan Internet of Things. Jalinan kerjasama sedang dijalankan dengan syarikat Lofii Shenzhen
Soft Gelatin Madu Kelulut	Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman	Produk ini telah dibentangkan ke Malaysia Technology Development Corporation untuk permohonan CRDF 2 dan penyelidik dalam peringkat untuk memenuhi kesemua keperluan dana ini.
Nefeli	Prof. Madya Dr. Seri Intan Binti Mokhtar	Produk ini telah selesai geran CRDF 1 di bawah Malaysia Technology Development Corporation dan sedang dalam proses permohonan untuk geran CRDF 2.

Jadual : Senarai kerjasama dengan industri untuk pengkomersialan



Rajah Produk pengkomersialan: Aquasen - Smart Aquaculture Monitoring System



Rajah Produk pengkomersialan: Soft Gelatin Madu Kelulut



Rajah Produk pengkomersialan: Nefeli – Cuka hasil buah-buahan tempatan





B A B 3

RINGKASAN PENCAPAIAN UMK 2018



PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN PENCAPAIAN UMK PADA TAHUN 2018

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENUNJUK KECEKAPAN	
	PENCAPAIAN TAHUN 2017	PENCAPAIAN TAHUN 2018
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	58.4%	70%
Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	0.53	0.55
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	3.25	4.8
Jumlah penajaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	29%	21.83%
Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:		
(i) Sarjana Muda;	9%	9%
(ii) Sarjana; dan	28%	14.6%
(iii) PhD.	43%	37.5%
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:		
(i) Sarjana Muda;	84%	85%
(ii) Sarjana; dan	38%	27%
(iii) PhD.	14%	44%
Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa:		
(i) bilangan pelajar antarabangsa; dan	75	46
(ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah.	60	32



B A B 4

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN UMK 2018




PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM206.92 juta berbanding RM246.49 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM36.57 juta atau 14.84%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan RM189.23 juta bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM183.56 juta berbanding juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.67 juta atau 3.09%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1 dan Carta 1.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	206.92	246.49	(36.57)	(14.84)
PERBELANJAAN	189.23	183.56	5.67	3.09

Jadual 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan




Carta 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan



Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM206.92 (2017 : RM246.49 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM152.56 juta (2017 : RM185.43 juta), yuran pelajar sebanyak RM34.62 juta (2017 : RM35.74 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM19.74 juta (2017 : RM25.32 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 75.23% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 2 dan Carta 2.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	152.56	73.75	185.43	75.23
YURAN PELAJAR	34.62	16.73	35.74	14.50
PENDAPATAN LAIN	19.74	9.54	25.32	10.27
JUMLAH	206.92	100.00	246.49	100.00

Jadual 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan



Carta 2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan




40

Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM189.23 juta (2017 : RM183.56 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM67.82 juta (2017 : RM60.75 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM88.56 juta (2017 : RM91.21 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM3.85 juta (2017 : RM4.77 juta), perbelanjaan lain RM7.91 juta (2017 : RM8.49 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM21.09 juta (2017 : RM18.34 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 46.80% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 3 dan Carta 3.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	67.82	35.84	60.75	33.09
PERKHIDMATAN & BEKALAN	88.56	46.80	91.21	49.69
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	3.85	2.03	4.77	2.60
PERBELANJAAN LAIN	7.91	4.18	8.49	4.63
SUSUTNILAI TAHUNAN	21.09	11.15	18.34	9.99
JUMLAH	189.23	100.00	183.56	100.00

Jadual 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan



Carta 3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan




PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Keseluruhan pendapatan Universiti bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM204.92 juta berbanding RM244.88 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM39.96 juta atau 16.32%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Universiti bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM194.12 juta berbanding RM185.54 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.62 juta atau 4.62%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Universiti adalah seperti dalam Jadual 4 dan Carta 4.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	204.92	244.88	(39.96)	(16.32)
PERBELANJAAN	194.12	185.54	8.58	4.62

Jadual 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti




Carta 4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti



Pendapatan Universiti yang berjumlah RM204.92 juta (2017 : RM244.88 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM152.56 juta (2017 : RM185.43 juta), yuran pelajar sebanyak RM34.62 juta (2017 : RM35.74 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM17.74 juta (2017 : RM23.71 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 75.72% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Universiti adalah seperti Jadual 5 dan Carta 5.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	152.56	74.45	185.43	75.72
YURAN PELAJAR	34.62	16.90	35.74	14.59
PENDAPATAN LAIN	17.74	8.66	23.71	9.68
JUMLAH	204.92	100.00	244.88	100.00

Jadual 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti




Carta 5 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti



Perbelanjaan Universiti yang berjumlah RM194.12 juta (2017 : RM185.54 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM67.80 juta (2017 : RM60.74 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM94.01 juta (2017 : RM95.60 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM5.45 juta (2017 : RM4.77 juta), perbelanjaan lain RM6.52 juta (2017 : RM6.83 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM20.34 juta (2017 : RM17.60 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 48.43% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan Universiti adalah seperti Jadual 6 dan Carta 6.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	67.80	34.93	60.74	32.74
Perkhidmatan & Bekalan	94.01	48.43	95.60	51.52
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	5.45	2.81	4.77	2.57
Perbelanjaan Lain	6.52	3.36	6.83	3.68
Susutnilai Tahunan	20.34	10.48	17.60	9.49
Jumlah	194.12	100.00	185.54	100.00

Jadual 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti



Carta 6 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG (ASAS TUNAI)


Perbelanjaan Universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut asas tunai adalah sebagaimana berikut:

(a) Kumpulan Wang Mengurus

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM140.76 juta berbanding RM147.14 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM62.38 juta atau 4.34%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM151.90 juta berbanding RM154.14 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM2.24 juta atau 1.45%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 7 dan Carta 7.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	140.76	147.14	(6.38)	(4.34)
Perbelanjaan	151.90	154.14	(2.24)	(1.45)

Jadual 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 7 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus



Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM140.76 juta (2017 : RM147.14 juta) adalah merangkumi pemberian Kerajaan sebanyak RM107.72 juta (2017 : RM105.71 juta), yuran pelajar sebanyak RM23.38 juta (2017 : RM26.62 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM9.66 juta (2017 : RM14.81 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 76.53% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 8 dan Carta 8.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	107.72	76.53	105.71	71.84
YURAN PELAJAR	23.38	16.61	26.62	18.09
PENDAPATAN LAIN	9.66	6.86	14.81	10.07
JUMLAH	140.76	100.00	147.14	100.00

Jadual 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 8 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus



Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM151.90 juta (2017 : RM154.14 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM67.79 juta (2017 : RM60.74 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM76.49 juta (2017 : RM81.52 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM2.27 juta (2017 : RM2.57 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.97 juta (2017 : RM3.37 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM0.16 juta (2017 : RM3.60 juta) dan perbelanjaan lain RM4.22 juta (2017 : RM2.34 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 50.36% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 9 dan Carta 9.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	67.79	44.63	60.74	39.40
PERKHIDMATAN & BEKALAN	76.49	50.36	81.52	52.89
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	2.27	1.49	2.57	1.67
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	0.97	0.64	3.37	2.19
PROJEK DALAM KEMAJUAN	0.16	0.10	3.60	2.33
PERBELANJAAN LAIN	4.22	2.78	2.34	1.52
JUMLAH	151.90	100.00	154.14	100.00

Jadual 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus



Carta 9 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




(b) Kumpulan Wang Pembangunan

TiadapendapatanKumpulanWangPembangunan bagi tahun 2018 dan 2017. Keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM39.72 juta berbanding RM71.16 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM17.69 juta atau 19.91%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 10 dan Carta 10.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	-	-	-	-
PERBELANJAAN	39.72	71.16	(31.44)	(44.18)

Jadual 10: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 10: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan



Tiada pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017 dan 2018. Komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 11 dan Carta 11.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	-	-	-	-
JUMLAH	-	-	-	-

Jadual 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 11 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan



Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM39.73 juta (2017 : RM71.16 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.29 juta (2017 : RM0.58 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM3.02 juta (2017 : RM7.18 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM35.43 juta (2017 : RM59.56 juta) dan perbelanjaan lain RM0.99 juta (2017 : RM3.84 juta). Perbelanjaan ke atas projek dalam kemajuan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 89.18% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 12 dan Carta 12.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PERKHIDMATAN & BEKALAN	0.29	0.73	0.58	0.81
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	3.02	7.60	7.18	10.09
PROJEK DALAM KEMAJUAN	35.43	89.18	59.56	83.70
PERBELANJAAN LAIN	0.99	2.49	3.84	5.40
JUMLAH	39.73	100.00	71.16	100.00

Jadual 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan



Carta 12 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




(c) Kumpulan Wang Penyelidikan

Pada tahun 2018, pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2018 adalah RM1.88 juta berbanding RM1.51 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 0.33 juta atau 21.85%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM3.49 juta berbanding RM5.88 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM2.39 juta atau 40.65%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 13 dan Carta 13.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	1.84	1.51	0.33	21.85
PERBELANJAAN	3.49	5.88	(2.39)	(40.65)

Jadual 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 13 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan



Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 14 dan Carta 14

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN - FRGS	1.68	91.57	1.30	86.09
PEMBERIAN KERAJAAN - KTPG	0.06	3.01	-	-
PEMBERIAN KERAJAAN - PPRN	0.10	5.42	0.21	13.91
JUMLAH	1.84	100.00	1.51	100.00

Jadual 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 14 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM3.49 juta (2017 : RM5.88 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM3.37 juta (2017 : RM4.57 juta) hartanah, loji & peralatan sebanyak RM0.02 juta (2017 : RM0.27 juta) dan perbelanjaan lain sebanyak RM0.10 juta (2017: RM0.07 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 96.59% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 15 dan Carta 15.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PERKHIDMATAN & BEKALAN	3.37	96.59	4.57	77.72
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	-	-	0.97	16.50
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	0.02	0.59	0.27	4.59
PERBELANJAAN LAIN	0.10	2.82	0.07	1.19
JUMLAH	3.49	100.00	5.88	100.00

Jadual 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan



Carta 15 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




(d) Kumpulan Wang Amanah

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM21.03 juta berbanding RM20.03 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.00 juta atau 4.99%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM18.84 juta berbanding RM11.13 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM7.71 juta atau 69.30%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 16 dan Carta 16.

PERKARA/TAHUN	2018	2017	PERBEZAAN	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
PENDAPATAN	21.03	20.03	1.00	4.99
PERBELANJAAN	18.84	11.13	7.71	69.30

Jadual 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Carta 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM21.03 juta (2017 : RM20.03 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM1.72 juta (2017 : RM2.02 juta), yuran pelajar sebanyak RM11.23 juta (2017 : RM9.11 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM8.08 juta (2017 : RM8.90 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 53.40% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 17 dan Carta 17.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
PEMBERIAN KERAJAAN	1.72	8.18	2.02	10.09
YURAN PELAJAR	11.23	53.40	9.11	45.48
PENDAPATAN LAIN	8.08	38.42	8.90	44.43
JUMLAH	21.03	100.00	20.03	100.00

Jadual 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah




Carta 17 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah



Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM18.84 juta (2017 : RM11.13 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM0.01 juta (2017 : RM0.01 juta) perkhidmatan & bekalan sebanyak RM13.87 juta (2017 : RM8.93 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM3.18 juta (2017 : RM1.24 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.50 juta (2017 : RM0.37 juta), dan perbelanjaan lain RM1.28 juta (2017 : RM0.58 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 73.61% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 18 dan Carta 18.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
EMOLUMEN	0.01	0.05	0.01	0.09
PERKHIDMATAN & BEKALAN	13.87	73.61	8.93	80.23
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	3.18	16.88	1.24	11.14
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	0.50	2.67	0.37	3.33
PERBELANJAAN LAIN	1.28	6.79	0.58	5.21
JUMLAH	18.84	100.00	11.13	100.00

Jadual 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah



Carta 18 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM4.51 juta berbanding RM11.19 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.68 juta atau 59.66%. Perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM0.97 juta (2017 : RM3.37 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM3.02 juta (2017 : RM7.18 juta). Manakala perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan dan Amanah masing – masing berjumlah RM0.02 juta (2017 : RM0.27 juta) dan RM0.50 juta (2017 : RM0.37 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 19 dan Carta 19.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	0.97	21.49	3.37	30.12
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	3.02	66.90	7.18	64.16
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	0.02	0.46	0.27	2.41
KUMPULAN WANG AMANAH	0.50	11.16	0.37	3.31
JUMLAH	4.51	100.00	11.19	100.00

Jadual 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)




Carta 19 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)



Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM2.62 juta (2017 : RM3.32 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.13 juta (2017 : RM0.49 juta), kenderaan & jentera berjumlah RM0.02 juta (2017 : RM0.73 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM1.74 juta (2017 : RM6.65 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan Universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 20 dan Carta 20.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
BANGUNAN & PEMBAIKAN BANGUNAN	2.62	58.01	3.32	29.67
KEMUDAHAN & PEMBAIKAN KEMUDAHAN	0.13	2.88	0.49	4.38
KENDERAAN & JENTERA	0.02	0.43	0.73	6.52
ALAT KELENGKAPAN	1.74	38.68	6.65	59.43
JUMLAH	4.51	100.00	11.19	100.00

Jadual 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)



Carta 20 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)




TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan Universiti adalah sebanyak RM36.04 juta berbanding RM63.16 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM27.12 juta atau 42.94%. Bayaran projek dalam kemajuan Universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM0.16 juta (2017 : RM3.60 juta) dan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM35.43 juta (2017 : RM59.56 juta). Bayaran projek dalam kemajuan Universiti daripada Kumpulan Wang Amanah bagi

tahun 2018 RM0.45 juta (2017 : tiada). Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM3.04 juta (2017 : RM1.62 juta) bagi Kumpulan Wang Mengurus. Manakala, bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak RM68.83 juta (2017 : RM41.85 juta) dan bagi Kumpulan Wang Amanah adalah sebanyak RM0.45 juta (2017 : RM0.45 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 21 dan Carta 21.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGRUS	0.16	0.44	3.60	5.70
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	35.43	98.31	59.56	94.30
KUMPULAN WANG AMANAH	0.45	1.25	-	-
JUMLAH	36.04	100.00	63.16	100.00

Jadual 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



Carta 21 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM730.67 juta berbanding RM762.03 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM31.36 juta atau 4.11%. Aset kumpulan yang berjumlah RM730.67 juta (2017 : RM762.03 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM422.56 juta (2017 : RM356.83 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM52.61 juta (2017 : RM98.94 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.6 juta (2017 : RM0.43 juta) dan aset semasa sebanyak RM254.89 juta (2017 : RM305.83 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM69.44 juta berbanding RM115.94 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM46.5 juta atau 40.11%. Tanggungan kumpulan yang berjumlah RM69.44 juta (2017 : RM115.94 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM19.35 juta (2017 : RM18.35 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM50.09 juta (2017 : RM97.60 juta).

Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2018 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan


tetap adalah sebanyak RM244.92 juta berbanding RM294.11 juta pada tahun 2017. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM49.19 juta iaitu 16.73%.

Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM661.23 juta berbanding RM646.08 juta pada tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.15 juta iaitu 2.34%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 22 dan Carta 22.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	170.50	23.66	209.61	30.10
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	381.53	52.93	357.33	51.31
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	1.10	0.15	1.19	0.17
KUMPULAN WANG AMANAH	130.87	18.16	96.11	13.80
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	7.00	0.97	7.00	1.01
KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT	(29.76)	4.13	(25.16)	3.61
JUMLAH	661.24	100.00	646.08	100.00

Jadual 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



Carta 22 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset Universiti bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM696.51 juta berbanding RM728.52 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM32.01 juta atau 4.39%. Aset Universiti yang berjumlah RM696.51 juta (2017 : RM728.52 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM389.54 juta (2017 : RM323.08 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2017 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM52.61 juta (2017 : RM98.94 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.61 juta (2017 : RM0.43 juta) dan aset semasa sebanyak RM252.25 juta (2017 : RM304.57 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan Universiti bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM48.6 juta berbanding RM90.31 juta pada tahun 2017, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM41.71 juta atau 46.19%. Tanggungan Universiti yang berjumlah RM48.6 juta (2017 : RM90.31 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM11.90 juta (2017 : RM11.35 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM36.7 juta (2017 : RM78.96 juta).

Jumlah rizab tunai Universiti bagi tahun 2017 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM240.58 juta




berbanding RM289.77 juta pada tahun 2017. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM49.19 juta iaitu 16.98%.

Keseluruhan aset dan tanggungan Universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 23 dan Carta 23

Jumlah aset bersih Universiti bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM647.9 juta berbanding RM638.21 juta pada tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM9.69 juta iaitu 1.52%.

PERKARA/TAHUN	2018		2017	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
KUMPULAN WANG MENGURUS	127.85	19.73	175.25	27.46
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	381.53	58.89	357.33	55.99
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	1.10	0.17	1.19	0.18
KUMPULAN WANG AMANAH	130.43	20.13	97.44	15.27
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	7.00	1.08	7.00	1.10
JUMLAH	647.91	100.00	638.21	100.00

Jadual 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



Carta 23 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN

Perkara/Tahun	2018 RM	2017 RM	2016 RM	2015 RM	2014 RM
Lembaran Imbangan					
Aset Bukan Semasa	444,256,734	23,946,944	409,613,283	40,667,563	301,957,926
Aset Semasa	252,249,332	304,568,510	375,558,043	72,928,374	264,609,624
Liabiliti Bukan Semasa	36,696,264	78,955,170	152,878,687	90,374,419	2,305,775
Liabiliti Semasa	11,904,895	11,352,047	10,738,224	6,448,885	13,035,726
Dana dan Rezab	647,904,907	638,208,237	621,554,415	16,772,633	551,226,049
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,499,998	1,499,998
Penyata Pendapatan					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	107,716,200	105,705,604	147,829,326	149,067,316	161,472,778
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	39,718,517	71,164,298	88,853,081	39,456,704	6,986,576
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	3,407,174	6,536,761	5,050,721	4,518,787	7,925,448
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	1,721,616	2,022,495	882,868	260,857	3,532,410
Yuran Pelajar	34,617,473	35,376,847	35,277,392	32,980,892	25,636,645
Pendapatan Lain	17,743,314	23,709,151	19,496,699	19,098,415	6,950,799
Jumlah Pendapatan	204,924,294	244,875,156	297,390,087	245,382,971	212,504,356
Jumlah Perbelanjaan	194,120,842	185,540,615	192,283,138	184,621,339	161,759,180
Lebihan bersih pendapatan	10,803,452	59,334,541	105,106,949	60,761,632	50,745,176
Paparan Penyata Aliran Tunai					
Tunai di tangan dan tunai di bank	18,325,530	50,061,921	23,496,842	28,830,332	53,926,384
Simpanan Tetap	222,255,965	239,707,456	335,941,979	326,348,471	200,048,978
Pendapatan Sebelum Cukai	10,803,452	59,334,541	105,106,949	60,761,632	50,745,176
Paparan Nisbah Kewangan					
Nisbah Semasa	21.19	26.83	34.97	57.83	20.30
Nisbah Hutang	0.07	0.12	0.21	0.28	0.03
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.08	0.14	0.26	0.38	0.03
Nisbah Pulangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	0.02	0.09	0.17	0.12	0.09
Marginal Keuntungan Bersih	5.27	24.23	35.34	24.76	23.88
Modal Kerja	240,344,437	293,216,463	364,819,811	366,479,486	251,573,898



B A B 5

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.



Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:



- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Kelantan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
21 JUN 2019



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, DATO' (DR.) HUSSAMUDDIN BIN HJ YAACUB dan PROF. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....NAMA : Dato' (Dr.) Hussamuddin Bin
Hj Yaacob

GELARAN : Pengerusi Lembaga

TARIKH : 10 FEB 2019

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,


.....NAMA : Prof. Dr. Noor Azizi Bin
Ismail

GELARAN : Naib Canselor

TARIKH : 10 FEB 2019

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya JUNAIDAH BINTI BADAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh Penama di atas
di (tempat) **KOTA BHARU, KELANTAN.**
pada **13 FEB 2019**

)
)
)
)

JUNAIDAH BINTI BADAR
No. K/P : 740312-01-6700



Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAAH

Petak No. 28, Tingkat Bawah,
Bazar Tuan Padang,
Jalan Hospital,
15000 Kota Bharu, Kelantan.



70

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM	
Aset Bukan Semasa:					
Hartanah, loji dan peralatan	4	422,561,703	356,830,502	389,537,230	323,075,746
Projek dalam kemajuan	5	52,613,498	98,943,351	52,613,498	98,943,351
Pelaburan dalam anak syarikat	6	-	-	1,500,000	1,500,000
Pinjaman kakitangan	7	606,006	427,847	606,006	427,847
Jumlah aset bukan semasa		475,781,207	456,201,700	444,256,734	423,946,944
Aset Semasa:					
Inventori	8	4,905	1,260	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	9	4,401,238	6,357,839	3,915,768	7,230,990
Deposit dan prabayar	10	5,568,135	5,355,600	7,752,069	7,568,144
Tunai dan kesetaraan tunai	11	244,915,661	294,112,493	240,581,495	289,769,376
Jumlah aset semasa		254,889,939	305,827,192	252,249,332	304,568,510
Jumlah Aset		730,671,146	762,028,892	696,506,066	728,515,454
Ekuiti:					
Kumpulan wang mengurus	12	170,497,174	209,614,916	127,850,428	175,246,747
Kumpulan wang pembangunan	13	381,527,030	357,329,553	381,527,030	357,329,553
Kumpulan wang penyelidikan	14	1,102,359	1,191,096	1,102,359	1,191,096
Kumpulan wang amanah	15	130,866,906	96,107,707	130,425,090	97,440,841
Kumpulan wang pinjaman	16	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian terkumpul anak syarikat	17	(29,760,349)	(25,159,066)	-	-
		661,233,120	646,084,206	647,904,907	638,208,237
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
Jumlah Ekuiti		661,233,120	646,084,206	647,904,907	638,208,237
Liabiliti Bukan Semasa:					
Manfaat pekerja	18	3,760,541	3,840,213	3,760,541	3,840,213
Pinjaman	19	9,165,414	12,266,662	-	-
Pinjaman sewa beli	20	51,320	83,700	-	-
Liabiliti cukai tertunda	21	4,166,620	6,283,795	-	-
Pendapatan tertunda	22	32,943,718	75,122,952	32,935,723	75,114,957
Jumlah liabiliti bukan semasa		50,087,613	97,597,322	36,696,264	78,955,170
Liabiliti Semasa:					
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	23	295,928	633,783	120,092	396,353
Deposit dan terakru	24	10,726,226	10,015,638	10,411,378	9,946,406
Manfaat pekerja	18	1,373,425	1,009,288	1,373,425	1,009,288
Pinjaman	19	4,716,610	4,716,610	-	-
Pinjaman sewa beli	20	32,400	32,400	-	-
Peruntukan cukai		2,205,824	1,939,645	-	-
Jumlah liabiliti semasa		19,350,413	18,347,364	11,904,895	11,352,047
Jumlah Liabiliti		69,438,026	115,944,686	48,601,159	90,307,217
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		730,671,146	762,028,892	696,506,066	728,515,454

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pendapatan:					
Pemberian kerajaan	25	152,563,507	185,429,158	152,563,507	185,429,158
Yuran pelajar	26	34,617,473	35,736,847	34,617,473	35,736,847
Pendapatan lain	27	19,736,549	25,320,975	17,743,314	23,709,151
Jumlah pendapatan		206,917,529	246,486,980	204,924,294	244,875,156
Perbelanjaan:					
Emolumen		67,815,946	60,752,034	67,804,446	60,741,534
Perkhidmatan dan bekalan		88,561,821	91,214,223	94,009,685	95,603,506
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		3,854,654	4,772,931	5,451,574	4,768,931
Perbelanjaan lain		7,913,926	8,486,344	6,518,534	6,830,586
Susutnilai tahunan		21,084,032	18,343,439	20,336,603	17,596,058
Jumlah perbelanjaan		189,230,379	183,568,971	194,120,842	185,540,615
Lebihan sebelum cukai		17,687,150	62,918,009	10,803,452	59,334,541
Cukai	28	(1,431,454)	(1,736,556)	-	-
Lebihan bagi tahun		16,255,696	61,181,453	10,803,452	59,334,541
Lebihan bagi tahun diagihkan kepada:					
Pemilik entiti yang mengawal		16,255,696	61,181,453	10,803,452	59,334,541
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		16,255,696	61,181,453	10,803,452	59,334,541

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Kumpulan – 31 Disember 2018

	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal							
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
Baki pada 31 Disember 2017	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	(25,159,066)	-	646,084,206
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	(25,159,066)	-	646,084,206
- Pelarasan tahun lepas	(588,597)	-	(3,576)	(524,609)	-	-	-	(1,116,782)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2018	209,026,319	357,329,553	1,187,520	95,583,098	7,000,000	(25,159,066)	-	644,967,424
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan bagi tahun	(7,529,145)	24,197,477	(85,161)	4,273,808	-	(4,601,283)	-	16,255,696
Pindahan	(31,000,000)	-	-	31,010,000	-	-	-	10,000
Baki pada 31 Disember 2018	170,497,174	381,527,030	1,102,359	130,866,906	7,000,000	(29,760,349)	-	661,233,120
Baki pada 31 Disember 2016	226,144,928	343,908,456	339,221	69,400,713	7,000,000	(19,209,846)	2	627,583,474
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	226,144,928	343,908,456	339,221	69,400,713	7,000,000	(19,209,846)	2	627,583,474
- Pelarasan tahun lepas	(145,547)	(42,368,722)	(2)	(166,448)	-	-	-	(42,680,719)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2017	225,999,381	301,539,734	339,219	69,234,265	7,000,000	(19,209,846)	2	584,902,755
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	(2)	(2)
Lebihan bagi tahun	1,365,535	55,789,819	851,877	9,123,442	-	(5,949,220)	-	61,181,453
Pindahan	(17,750,000)	-	-	17,750,000	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2017	209,614,916	357,329,553	1,191,096	96,107,707	7,000,000	(25,159,066)	-	646,084,206

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Universiti – 31 Disember 2018

Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal

	Kumpulan wang			Pinjaman	Amanah	Kerugian terkumpul anak syarikat	Kepentingan minoriti	Jumlah ekuiti
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM					
Baki pada 31 Disember 2017								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	-	638,208,237
	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	-	638,208,237
- Pelarasan tahun lepas	(588,597)	-	(3,576)	(524,609)	-	-	-	(1,116,782)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2018	174,658,150	357,329,553	1,187,520	96,916,232	7,000,000	-	-	637,091,455
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	(15,807,722)	24,197,477	(85,161)	2,498,858	-	-	-	10,803,452
Lebihan bagi tahun	(31,000,000)	-	-	31,010,000	-	-	-	10,000
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2018	127,850,428	381,527,030	1,102,359	130,425,090	7,000,000	-	-	647,904,907
Baki pada 31 Disember 2016								
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	199,564,821	343,908,456	339,221	70,741,917	7,000,000	-	-	621,554,415
	199,564,821	343,908,456	339,221	70,741,917	7,000,000	-	-	621,554,415
- Pelarasan tahun lepas	(145,547)	(42,368,722)	(2)	(166,448)	-	-	-	(42,680,719)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2017	199,419,274	301,539,734	339,219	70,575,469	7,000,000	-	-	578,673,696
Perubahan dalam Ekuiti								
Perolehan saham	(6,422,527)	55,789,819	851,877	9,115,372	-	-	-	59,334,541
Lebihan bagi tahun	(17,750,000)	-	-	17,750,000	-	-	-	-
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2017	175,246,747	357,329,553	1,191,096	97,440,841	7,000,000	-	-	638,208,237

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Lebihan pendapatan sebelum cukai	17,687,150	62,918,009	10,803,452	59,334,541
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	21,084,032	18,343,439	20,336,603	17,596,058
Peruntukan hutang ragu	2,798,501	146,827	2,763,096	146,827
Peruntukan manfaat pekerja	1,340,799	1,564,999	1,340,799	1,564,999
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	16,255	-	16,255
Pelarasan projek dalam kemajuan tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	-	-	-	-
Geran pembangunan dilunaskan	(39,718,517)	(71,164,298)	(39,718,517)	(71,164,298)
Geran penyelidikan dilunaskan	(3,407,174)	(6,536,761)	(3,407,174)	(6,536,761)
Geran amanah dilunaskan	(1,721,616)	(2,022,495)	(1,721,616)	(2,022,495)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(167,937)	(1,780)	(167,937)	(1,780)
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	76,909	12,065	76,909	12,065
Cukai dibayar	(3,282,450)	(1,550,900)	-	-
Faedah pinjaman	1,218,832	1,514,470	-	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(4,091,471)	3,239,830	(9,694,385)	(1,054,589)
(Tambahan)/Kurangan dalam				
Inventori	(3,645)	-	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	(1,897,360)	(595,378)	(503,334)	(189,237)
Deposit dan prabayar	(212,535)	1,124,947	(183,925)	823,104
Tambahan/(Kurangan) dalam				
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	(337,855)	(1,730,934)	(276,261)	(1,025,350)
Deposit dan terakru	675,333	1,788,506	429,719	1,784,780
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	(5,867,533)	3,826,971	(10,228,186)	338,708
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(4,527,544)	(11,224,425)	(4,510,400)	(11,199,904)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	-	97,530	-	97,530
Perolehan saham	-	-	-	-
Projek dalam kemajuan	(36,040,864)	(63,155,005)	(36,040,864)	(63,155,005)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(40,568,408)	(74,281,900)	(40,551,264)	(74,257,379)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima	-	-	-	-
Geran penyelidikan diterima	1,839,878	1,506,084	1,839,878	1,506,084
Geran amanah diterima	828,195	3,762,828	828,195	3,762,828
Pembayaran manfaat pekerja	(1,076,504)	(1,019,686)	(1,076,504)	(1,019,686)
Bayaran ansuran pembiayaan	(4,352,460)	(4,704,074)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	(2,760,891)	(454,848)	1,591,569	4,249,226
Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(49,196,832)	(70,909,777)	(49,187,881)	(69,669,445)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	294,112,493	365,022,270	289,769,376	359,438,821
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	244,915,661	294,112,493	240,581,495	289,769,376

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

(a) Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

(b) Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

(c) Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2018 adalah seramai 1,231 orang (2017 : 1,163 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 840 orang (2017 : 743 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 391 orang (2017 : 420 orang).

(d) Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2018/2019 adalah seramai 2,429 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2018 adalah 8,891 orang (2017 : 9,356 orang).

(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(f) Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 10 Februari 2019.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

(a) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperoleh kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

(b) Risiko Pasaran

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan dan dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian.

Pada 14 Februari 2014, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah menetapkan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) boleh diterima pakai oleh entiti persendirian yang tidak dikehendaki untuk menyerahkan Penyata Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC), atau Bank Negara Malaysia (BNM); dan bukan anak syarikat atau syarikat bersekutu kepada entiti yang dikehendaki menyerahkan Penyata Kewangan kepada SC atau BNM. MPERS hendaklah diterima pakai sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2016.

Kementerian Kewangan Malaysia telah memutuskan supaya Badan Berkanun Persekutuan (BBP) menerima pakai piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh MASB atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya seperti berikut:

- (i) Bagi BBP yang telah menerima pakai *Financial Reporting Standards* (FRS) atau *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), BBP tersebut hendaklah terus menerima pakai MFRS yang diterbitkan oleh MASB;
- (ii) Bagi BBP yang telah mula menerima pakai *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), BBP tersebut terus menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB;
- (iii) Bagi BBP yang selama ini menerima pakai *Private Entities Reporting Standards* (PERS) atau mana-mana piawaian perakaunan lain, BBP tersebut hendaklah menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB; atau
- (iv) Bagi BBP yang bersedia menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS), BBP tersebut boleh menerima pakai MPSAS yang diterbitkan oleh JANM dengan syarat mendapat kelulusan daripada JANM.

Keputusan ini menggantikan perenggan 3 dan 8 dalam 1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(b) Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuat Kuasa

Pada Oktober 2016, MASB telah meluluskan pindaan kepada MPSAS yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020 dengan pemakaian awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Universiti tidak menerima pakai awal pindaan kepada MPSAS.

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusan, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusan dalam Kumpulan telah dihapus kira sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusan luar sahaja.

(b) Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai, jika ada.

(c) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Pengiktirafan geran kerajaan adalah sebagaimana berikut:

- Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Pendapatan apabila tiada syarat tertentu yang dikenakan terhadap geran kerajaan yang diterima.
- Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Pendapatan bagi geran yang dikenakan syarat tertentu hanya apabila syarat terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jika syarat yang dikenakan terhadap geran tersebut belum dipenuhi, amaun geran yang diterima perlu dinyatakan sebagai geran tertunda (pendapatan tertunda) dan diiktiraf sebagai liabiliti bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Pendapatan yuran pelajar adalah berasaskan akaun dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

(iii) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akaun. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus.

Penghutang dan pelbagai penghutang (Nota 9)		
Pendahuluan kepada anak syarikat	<u>1,311,936</u>	<u>1,311,936</u>
Deposit dan prabayar (Nota 10)		
Bayaran deposit sewaan asrama kepada anak syarikat	2,400,000	2,400,000
Sumbangan daripada anak syarikat terakru	-	-
	<u>2,400,000</u>	<u>2,400,000</u>

32. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas melibatkan bayaran balik perbelanjaan dan terimaan hasil yang telah dikenakan pada tahun sebelumnya.



B A B 6

PEMERKASAAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PENTADBIRAN UMK



STAF UMK TAHUN 2018

Jumlah staf UMK sehingga 31 Disember 2018 ialah seramai 1,231 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 541 orang ialah staf akademik manakala selebihnya iaitu 690 orang ialah staf bukan akademik. Staf akademik aktif pada 31 Disember 2018 ialah seramai 403 orang manakala selebihnya 138 staf orang sedang bercuti belajar, dipinjamkan ke agensi lain dan cuti tanpa gaji.

STATUS	2016		2017		2018	
	STAF AKADEMIK	STAF BUKAN AKADEMIK	STAF AKADEMIK	STAF BUKAN AKADEMIK	STAF AKADEMIK	STAF BUKAN AKADEMIK
Tetap	312	452	354	461	371	465
Pinjaman	3	3	2	3	2	2
Kontrak	140	244	136	259	112	223
Sementara	106	0	67	0	56	0
Jumlah	561	699	559	723	541	690
Jumlah Keseluruhan	1,260		1,282		1,231	

Jadual: Pecahan Staf Akademik dan Bukan Akademik Mengikut Status

PECAHAN STAF	2016		2017		2018	
	L	P	L	P	L	P
Staf Akademik	243	318	250	309	235	306
Staf Bukan Akademik	381	318	387	336	368	322
Jumlah	624	636	637	645	603	628
Peratus (%)	49.5%	50.48%	49.89%	50.31%	48.98%	51.02%

Jadual: Jumlah staf UMK mengikut tahun iaitu dari tahun 2016 sehingga 2018.

Pada tahun 2018, UMK telah mengambil langkah pengoptimuman sumber manusia dengan melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya adalah melaksanakan audit keperluan staf, semakan pertindihan fungsi, pelaksanaan tugas dengan penerapan konsep *multi-tasking*, peningkatan kompetensi staf dan juga pelaksanaan deskripsi tugas yang diteruskan dari tahun sebelumnya.



PENSYARAH MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK

UMK meletakkan sasaran staf akademik berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) pada tahun 2018 sebanyak 50% daripada keseluruhan staf akademik aktif. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah staf akademik aktif adalah seramai 459 orang staf. Daripada jumlah tersebut, 50.33% atau 231 orang staf akademik mempunyai kelayakan Ph.D.

BIL.	KELAYAKAN AKADEMIK	JUMLAH	BIL.	KELAYAKAN STAF AKADEMIK	2016		2017		2018	
					JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Ijazah Doktor Falsafah	231	1.	Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	188	40.69	215	45.94	231	50.33
2.	Ijazah Sarjana	228								
	Jumlah	459								

Jadual: Perbandingan pensyarah yang berkelayakan Ph.D dari tahun 2016 sehingga 2018 di UMK

Jadual: Bilangan staf akademik mengikut kelayakan akademik pada tahun 2018

STAF AKADEMIK ANTARABANGSA

Pelantikan staf antarabangsa merupakan satu inisiatif yang diambil bertujuan untuk mengantarabangsakan institusi serta mendapatkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Sehingga tarikh 31 Disember 2018 jumlah staf antarabangsa UMK ialah seramai 31 orang atau bersamaan dengan 7.71% berdasarkan jumlah staf akademik aktif.

BIL.	PERKARA	SASARAN 2018	JUMLAH STAF	PENCAPAIAN
1.	2016	8%	37	8.03%
2.	2017	8%	37	8.41%
3.	2018	9%	31	7.71%

Jadual: Perbandingan staf akademik antarabangsa UMK pada tahun 2016 sehingga 2018.

NEGARA	JUMLAH
Australia	1
Bangladesh	4
China	1
Ethiopian	1
Germany	1
India	4
Indonesia	7
Iraq	1
Japan	4
Nigeria	1
Senegal	1
Somalia	1
Thailand	4
Jumlah	31

Jadual: Taburan staf akademik antarabangsa UMK mengikut negara.



PERUNTUKAN CUTI BELAJAR/ PENAJAAN KEMENTERIAN

Bagi tahun 2018 Universiti Malaysia Kelantan melalui Jawatankuasa Cuti Belajar telah meluluskan 27 permohonan Cuti Belajar/ Melanjutkan Pengajian iaitu tiga (3) bagi peringkat Sarjana dan 24 bagi peringkat Doktor Falsafah (Ph.D). 27 permohonan tersebut merangkumi tiga (3) orang Zamalah UMK, dua (2) orang Pensyarah Muda dan 22 orang Pensyarah.

Perbandingan jumlah staf/ Zamalah yang diluluskan Cuti Belajar/ Melanjutkan Pengajian mulai tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti di Jadual A.

2016		2017		2018	
Sarjana	Ph.D	Sarjana	Ph.D	Sarjana	Ph.D
0	38	1	43	3	24
38		44		27	

Jadual A : Perbandingan jumlah staf/zamalah yang diluluskan Cuti Belajar/Melanjutkan Pengajian oleh UMK

Bagi tahun 2018 pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak 25 kuota bagi UMK iaitu 23 kuota untuk penajaan di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan dua (2) kuota untuk Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Secara keseluruhannya UMK telah diluluskan sebanyak 28 kuota penajaan (19 diluluskan di Fasa 1 dan 9 diluluskan di Fasa 2) iaitu melebihi kuota yang telah diberikan. Penggunaan Kuota SLAB dan SLAI bagi tahun 2016 sehingga 2018 adalah sepertimana di Jadual B di bawah.

PENAJAAN	PERINGKAT PENGAJIAN (PH.D)					
	2016		2017		2018	
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
SLAB	21	1	23	0	22	1
SLAI	3	2	0	0	5	0
Jumlah	24	3	23	0	27	1
Jumlah Keseluruhan/ Peruntukan Kuota	27/ 25		23/ 29		28*/25	
Peratus (%)	100%		79%		100%	

*27 SLAB/SLAI bagi permohonan tahun 2018 manakala satu (1) adalah bagi permohonan pada tahun 2017

Jadual B: Penggunaan Kuota SLAB/ SLAI Kementerian Pendidikan Malaysia



Pada 31 Disember 2018 seramai 131 orang staf sedang cuti belajar di peringkat Ph.D dan taburan staf mengikut penajaan adalah seperti di Jadual C di bawah.

PENAJAAN	PERINGKAT PENGAJIAN (PH.D)		JUMLAH
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	
SLAB	61	3	64
SLAI	7	33	40
Lain-Lain	24	3	27
Jumlah	92	39	131

Jadual C: Jumlah Kelulusan Cuti Belajar/ Melanjutkan Pengajian mengikut Penajaan Bagi Tahun 2018.

Taburan staf yang sedang Cuti Belajar mengikut Fakulti/ Pusat adalah seperti di Jadual D.

FAKULTI	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
FKP	27	11
FTKW	17	1
FPV	1	3
FIAT	7	7
FSB	9	2
FHPK	9	4
FSE	1	3
FBKT	5	1
PBI	16	7
Jumlah	92	39
Jumlah Keseluruhan	131	

Jadual D: Taburan Staf Sedang Cuti Belajar Mengikut Fakulti/ Pusat

SKIM ZAMALAH

Secara keseluruhannya, UMK mempunyai seramai 23 orang Zamalah yang sedang melanjutkan pengajian. Zamalah yang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dalam negara adalah seramai enam (6) orang dan Zamalah peringkat Ph.D dalam negara ialah seramai 15 orang. Manakala Zamalah yang melanjutkan pengajian luar negara peringkat Ph.D adalah seramai dua (2) orang. Zamalah adalah individu bukan staf Universiti yang dihantar melanjutkan pengajian dengan atau tanpa biasiswa tajaan UMK.

FAKULTI	DALAM NEGARA		LUAR NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN
	SARJANA	PH.D	SARJANA	PH.D	
FKP	-	8	-	-	8
FTKW	-	2	-	1	3
FPV	6	-	-	-	6
FIAT	-	1	-	-	1
FSB	-	1	-	-	1
FHPK	-	-	-	1	1
FSE	-	1	-	-	1
PBI	-	2	-	-	2
Jumlah	6	15	-	2	23

Jadual: Bilangan Zamalah Sedang Melanjutkan Pengajian mengikut Fakulti/ Pusat



STATISTIK LATIHAN STAF

UMK menetapkan staf perlu menghadiri latihan sekurang-kurangnya empat (4) hari atau 24 jam setahun. Penetapan ini bertujuan bagi mengekalkan dan meningkatkan kompetensi staf untuk memastikan objektif dan matlamat Universiti tercapai di samping mempunyai staf yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang tertentu.

KATEGORI STAF	BILANGAN STAF	MEMENUHI JAM LATIHAN	TIDAK MEMENUHI JAM LATIHAN
Tertinggi Utama/ Khas	25	15	10
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	249	219	30
Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran)	131	127	4
Pelaksana	337	311	26
Jumlah	742	672	70
Peratus (%)	100 %	90.57 %	9.43%

Jadual: Statistik staf sementara dan kontrak memenuhi jam latihan

STATISTIK LATIHAN STAF 2016-2018

UMK menetapkan staf perlu menghadiri latihan sekurang-kurangnya empat (4) hari atau 24 jam setahun. Penetapan ini bertujuan bagi mengekalkan dan meningkatkan kompetensi staf untuk memastikan objektif dan matlamat Universiti tercapai di samping mempunyai staf yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang tertentu.

TAHUN	2016			2017			2018		
	BILANGAN STAF	PENUHI JAM LATIHAN	PERATUS (%)	BILANGAN STAF	PENUHI JAM LATIHAN	PERATUS (%)	BILANGAN STAF	PENUHI JAM LATIHAN	PERATUS (%)
Tertinggi Utama/ Khas	20	3	15.0%	21	3	14.3%	25	15	60.0%
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	289	257	88.9%	325	120	36.9%	249	219	88.0%
Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran)	128	121	94.5%	128	94	73.4%	131	127	97.0%
Pelaksana	327	310	94.8%	336	175	52.1%	337	311	92.3%
Jumlah	764	691	90.5%	810	392	48.4%	742	672	90.6%

Jadual: Statistik staf tetap memenuhi jam latihan 2016-2018



PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI

Pada tahun 2018, seramai 232 orang staf telah menerima anugerah mengikut kategori iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Gemilang Universiti (AGU), Anugerah Jasa Univesiti (AJU), Anugerah Jasa Bakti (AJB) dan Anugerah Jasa Setia (AJS). Senarai bilangan penerima berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah seperti jadual di bawah:

NAMA ANUGERAH	BILANGAN PENERIMA (2016)	BILANGAN PENERIMA (2017)	BILANGAN PENERIMA (2018)
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	101	103	98
Anugerah Gemilang Universiti (AGU)	52	38	36
Anugerah Jasa Universiti (AJU)	4	102	94
Anugerah Jasa Bakti (AJB)	4	6	3
Anugerah Jasa Setia (AJS)	2	2	1
Anugerah Kualiti Naib Canselor	1	2	2

Jadual: Senarai Anugerah Serta Bilangan Penerima

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT

Pada tahun 2018, seramai dua (2) orang staf Universiti Malaysia Kelantan telah dikurniakan Darjah Kebesaran dan Pingat sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V Yang Ke-49 Tahun 2018. Maklumat penganugerahan adalah seperti jadual berikut:

NAMA	DARJAH KEBESARAN / PINGAT
Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar	Darjah Dato' Paduka Mahkota Kelantan (Al-Muhammadi II) (D.P.M.K)
Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob	Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S.K)

Jadual: Senarai Penerima dan Maklumat Darjah Kebesaran



KEBAJIKAN STAF

Bagi tahun 2018, Universiti telah membelanjakan sebanyak RM 442,985.05 di bawah skim Perubatan UMK kepada staf dan tanggungan yang layak.

PERINCIAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH LAWATAN (STAF)
Klinik Panel	240,474.90	7,478
Bukan Panel	1,185.00	47
Pergigian	26,700.00	252
X-Ray	1,576.00	14
IJN	17,143.60	18
Hemodialisis	76,110.00	2
Sara Alat	79,795.55	7
Jumlah	442,985.05	7,818

Jadual: Perincian bagi perbelanjaan Skim Perubatan UMK 2018

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UMK

Konvensyen diadakan pada 29 Ogos 2018 bertempat di UMK Bachok. Penyertaan sebanyak 5 pasukan terdiri daripada;

- Kumpulan Medixin, Pejabat Pendaftar.
- Kumpulan Legasi 19, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu.
- Kumpulan Try and Error, Pejabat Pentadbiran Kampus Jeli.
- Kumpulan Synergy, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah.
- Kumpulan Adhoc, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.

Senarai pemenang adalah seperti berikut;

- Johan : Kumpulan Adhoc.
- Naib Johan : Kumpulan Try and Error.
- Tempat Ketiga : Kumpulan Medixin.
- Anugerah Inovasi : Kumpulan Legasi 19.
- Anugerah Persembahan Terbaik : Kumpulan Try and Error.
- Anugerah Poster Terbaik : Kumpulan Synergy

i. Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah. Sebanyak 2 kumpulan KIK UMK telah menyertai konvensyen team excellence peringkat wilayah anjuran MPC. Kumpulan Medixin, Pejabat Pendaftar telah mendapat anugerah Emas pada konvensyen peringkat wilayah timur di Kuantan manakala Kumpulan Adhoc turut mendapat anugerah Emas pada konvensyen peringkat Wilayah Tengah di Kuala Lumpur.

ii. Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam. Tiga (3) pasukan KIK UMK menyertai Konvensyen KIK di peringkat Universiti Awam bertempat di Universiti Malaya (UM) pada bulan Ogos 2018. UMK berjaya mendapat penarafan 1 pingat Emas dan 2 pingat Perak pada konvensyen tersebut. Kumpulan Adhoc mendapat Emas manakala Medixin dan Legasi 19 mendapat Perak.

iii. Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan. Dua (2) pasukan KIK UMK (Pejabat Pendaftar dan FTKW) terpilih menyertai Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan anjuran MPC bertempat di Sunway Convention Centre pada bulan November 2018. Kedua-dua pasukan berjaya mendapat penarafan lima bintang dan berada dalam kelompok 20 pasukan terbaik kebangsaan bagi sektor awam persekutuan.

iv. International Convention on Quality and Creative Circle (ICQCC). Satu (1) pasukan KIK UMK (Medixin, Pejabat Pendaftar) terpilih menyertai Konvensyen Team Excellence Antarabangsa di Singapura pada Oktober 2018 dan telah mendapat penarafan Emas.



PERUNDANGAN DAN GOVERNAN UMK 2018

UMK telah mengorak langkah untuk menjalinkan hubungan bilateral bagi menjayakan hasrat Universiti dalam rangka kerjasama terutamanya dalam bidang akademik, penyelidikan dan kerjasama strategik dalam aspek pendidikan. Sepanjang tahun 2018, empat (4) surat niat dan lapan belas (18) memorandum persefahaman telah ditandatangani. Disamping itu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) juga turut menandatangani tiga belas (13) perjanjian yang melibatkan pelbagai bentuk perjanjian termasuk

pelaksanaan program, akademik, penyelidikan, penyewaan, pembekalan peralatan dan perkhidmatan bagi mempertingkatkan peranan Universiti sebagai pembekal pendidikan tinggi negara.

Jadual di bawah adalah perincian bagi Surat Niat, Memorandum Persefahaman dan Perjanjian yang telah dijayakan oleh Universiti dengan institusi/agensi/ industri.

Surat Niat

NEGARA	INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	BIDANG KERJASAMA / TEMPOH	PUSAT/ FAKULTI
Singapura	Recruit, Place & Train Pte Ltd	Menjalinkan kerjasama dalam bidang hospitaliti, pelancongan dan kesejahteraan. Bermula : 01 April 2018 Tempoh : Tiga (3) tahun	FHPK
Malaysia	International Council For SME and Entrepreneurship Malaysia (ICSMEE Malaysia)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. Bermula : 01 April 2018 Tempoh : Tiga (3) tahun	FKP
Malaysia	ELS Language Centres	Menjalinkan kerjasama dalam mempromosikan program pengajian termasuk pengajaran bahasa Inggeris. Bermula : 01 April 2018 Tempoh : tiada tempoh	PPS
Indonesia	Universitas Islam Malang	Menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. Bermula : 24 Mei 2018 Tempoh : tiada tempoh	PBI

Memorandum Persefahaman

NEGARA	INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	BIDANG KERJASAMA / TEMPOH	PUSAT/ FAKULTI
Malaysia	U.S. Embassy In Malaysia	Menjalinkan kerjasama bidang penyelidikan dalam inovasi untuk meningkatkan pembangunan inovasi. Bermula : 07 Mac 2018 - 6 Mac 2021 tempoh : Tiga (3) tahun	Pej. TNCPI



Malaysia	UMW Corporation Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 9825-V)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang industri 4.0 revolusi Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	CCI
Malaysia	Malaysian Association of Wellness & Spa (No. Pendaftaran Syarikat : 0840-06-SEL)	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk spa dan pertukaran staf. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK
Malaysia	Asian Overland Services Tours & Travel Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 30613-D)	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk pelancongan dan pertukaran staf. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK
Malaysia	Malaysian Inbound Tourism Association (No. Pendaftaran Syarikat : 1048-03-5)	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk pelancongan dan pertukaran staf. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK
Malaysia	CXS Analytics Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1199723-A)	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan sumber manusia. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	PENDAFTAR
Malaysia	Universiti Putra Malaysia	Menjalinkan kerjasama dalam projek penyelidikan, kepakaran dan pemindahan pengetahuan berkaitan pertanian dan perubatan veterinar. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2023 Tempoh : Lima (5) tahun	Pejabat Agro Techno Park
Malaysia	Universiti Kebangsaan Malaysia	Menjalinkan kerjasama dalam projek penyelidikan, pemindahan maklumat dan kepakaran keusahawanan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2023 Tempoh : Lima (5) tahun	UMKEI
Malaysia	Universiti Malaya	Menjalinkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2023 Tempoh : Lima (5) tahun	FIAT
Malaysia	Universiti Teknologi MARA	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2023 Tempoh : Lima (5) tahun	FKP
Malaysia	Dewanita Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (No. Pendaftaran Syarikat : 1101 (S))	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk hospitaliti, pelancongan dan kesejahteraan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK



Malaysia	Association of Malaysian Spas (No. Pendaftaran Syarikat : 1248-08-WKL)	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan produk spa dan pertukaran staf. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK
Indonesia	Universitas Jayabaya	Menjalinkan kerjasama dalam pembangunan program akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	FKP
Malaysia	Institut Keusahawanan Negara Berhad (No. Pendaftaran Syarikat : 1098215-M)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang pembangunan keusahawanan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	Pej. TNC AA
Malaysia	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia	Menjalinkan kerjasama dalam membangunkan bidang berkaitan akademik, latihan dan pembangunan modal insan. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	Pej. TNC AA
Malaysia	Putra World Trade Centre (No. Pendaftaran Syarikat : 249558-M)	Menjalinkan kerjasama dalam bidang pelancongan dan hospitaliti. Bermula : 01 April 2018 - 31 Mac 2025 Tempoh : Tujuh (7) tahun	FHPK
Seoul	University of Seoul	Menjalinkan kerjasama akademik dalam bidang sains dan teknologi. Bermula : 02 September 2018 - 31 Ogos 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	FBKT
Malaysia	Kerajaan Negeri Kelantan (Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan)	Menjalinkan kerjasama penyelidikan, pembangunan, pemeliharaan, pemuliharaan, latihan dan keusahawanan dalam bidang perhutanan. Bermula : 20 Ogos 2018 - 19 Ogos 2023 Tempoh : Lima (5) tahun	FSB

Perjanjian

NEGARA	INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	BIDANG KERJASAMA / TEMPOH	PUSAT/ FAKULTI
Malaysia	John's Bakery Enterprise (No. Pendaftaran Syarikat : KT040593-K)	Perjanjian sewa sebahagian ruang lobi, Bangunan Canselori Sementara, UMK Bachok. Bermula : 01 November 2017 - 31 Oktober 2018 Tempoh : Dua (2) tahun	PPU
Malaysia	Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 137907-P)	Perjanjian bekalan banana corm-tech seedlings. Bermula : 31 Januari 2018 - 30 Januari 2019 Tempoh : Satu (1) tahun	Pej. TNC PI




Malaysia	Step Advanced Group Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1259006-W)	Perjanjian perkhidmatan kemudahan penyedia latihan kemahiran dan keusahawanan secara pakej untuk Unit empower ECER-UMK. Bermula : 01 Januari 2018 - 31 Disember 2019 Tempoh : Dua (2) tahun	Unit Projek Khas Empower ECER-UMK
Malaysia	New Skills Training Centre Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 1047907-D)	Perjanjian perkhidmatan kemudahan penyedia latihan kemahiran dan keusahawanan secara pakej untuk Unit empower ECER-UMK. Bermula : 01 Januari 2018 - 31 Disember 2019 Tempoh : Dua (2) tahun	Unit Projek Khas Empower ECER-UMK
Malaysia	Puncak Bumi Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 561684-P)	Perjanjian penyewaan perabot. Bermula : 17 Mei 2018 - 16 Mei 2021 Tempoh : Tiga (3) tahun	UMK Jeli
Malaysia	Universiti Malaya	Perjanjian kerjasama secara khusus untuk projek Improvement of Banana for Smallholder Farmers in the Great Lakes Region of Africa. Bermula : 01 Mei 2018 - 30 April 2021 Tempoh : Dua (2) tahun	FIAT
Malaysia	Edge Multimedia Services (No. Pendaftaran Syarikat : KT0153750-T)	Perjanjian bagi Sebut Harga Kerja Penyelenggaraan dan Pembaharuan Lesen (Extended Warranty) untuk Peralatan Video Conferencing di UMK. Bermula : 01 Januari 2017 - 31 Disember 2017 Tempoh : Satu (1) tahun	CCI
Malaysia	Century Software (M) Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 445590-U)	Standard Accounting System For Government Agencies (Saga-Century): Product Maintenance Agreement. Bermula : 02 Januari 2017 - 31 Disember 2019 Tempoh : Tiga (3) tahun	Pejabat Bendahari
Malaysia	Alteraxis Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 871480-P)	Perjanjian Perkhidmatan 350 MBPS TM Direct Service untuk UMK, Bachok. Bermula : 01 Januari 2018 - 31 Disember 2019 Tempoh : Dua (2) tahun	CCI
Malaysia	Alam Sinergi Teknik Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 805430-D)	Perjanjian bagi Tender Membekal, Menghantar dan Mentauliah Tablet Mudah Alih untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran bagi UMK. Bermula : 03 Mei 2018 - 02 Mei 2019 Tempoh : Satu (1) tahun	CCI
Malaysia	Strategic Alliance Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 866496-K)	Perjanjian bagi Sebut Harga Memperbaharui Lesen, Jaminan Pengeluar dan Khidmat Sokongan bagi Perkakasan Bilik Rangkaian Utama Kampus Kota, UMK. Bermula : 01 Januari 2018 - 31 Disember 2018 Tempoh : Satu (1) tahun	CCI



Malaysia	Strategic Alliance Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 866496-K)	Perjanjian bagi Sebut Harga Memperbaharui Lesen, Jaminan Pengeluar dan Khidmat Sokongan bagi Perkakasan Keselamatan Rangkaian Pusat Data bagi Pusat Komputeran dan Informatik, UMK. Bermula : 01 Januari 2018 - 31 Disember 2018 Tempoh : Satu (1) tahun	FKP
Malaysia	K.U.S Industries (M) Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 478074-H)	Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Penyusunan dan Penyelenggaraan Perabot Secara Sewaan Di Kolej Kediaman Pelajar, Universiti Malaysia Kelantan. Bermula : 01 Mei 2017 - 30 April 2018 Tempoh : Satu (1) tahun	PPIA

Peraturan Universiti

Pejabat Penasihat Undang-Undang terlibat dalam penggubalan statut, kaedah, peraturan, polisi dan dokumen lain untuk UMK. Ianya perlu disediakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi mematuhi skop dan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U (A) 462] dan peraturan lain yang berkaitan demi mencapai visi dan misi Universiti.



Perbandingan Bilangan Surat Niat, Memorandum Persefahaman dan Perjanjian pada tahun 2016, 2017 dan 2018



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan kepada Lonjakan 1 : Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang dan Lonjakan 9 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT).

Hasil Pembelajaran

Menerusi Lonjakan 1, PPM (PT) dalam menghasilkan graduan seimbang dalam abad ke-21, pembangunan kurikulum yang menekankan lapan (8) Domain Hasil Pembelajaran (PLO) telah dilaksanakan sepenuhnya terhadap dua puluh empat (24) program di UMK. Pelaporan pencapaian hasil pembelajaran program dan pelajar telah dapat dijana melalui Sistem *My Academic Integrated System (MyAIS)* yang telah melengkapinya keseluruhan kitaran pelaksanaan *Outcome Based Education (OBE)*. Status pencapaian program dan pelajar dapat membantu Fakulti melaksanakan penambahbaikan serta rujukan semasa proses intervensi dan semakan kurikulum.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Search...

Home

Portal Dashboard

MyAcademic Integrated System


Home > General Portal Dashboard

STUDENT EVALUATION


Begin



PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN MENGIKUT PLO
SEM SEP 2017/2018



PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN MENGIKUT PLO
SEM FEB 2017/2018





120

Laporan Tahunan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2018

Massive Open Online Course (MOOC)

89 kursus daripada keseluruhan fakulti di UMK telah terpilih untuk dibangunkan secara MOOC, daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 subjek telah berjaya dibangunkan sebagai e-bahan MOOC dan telah digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran atas talian dengan jumlah pengguna (luar dan dalam UMK) seramai 5,722 orang.

NAMA KURSUS	TAHUN	STATUS	JUMLAH PELAJAR
Bioproduct	2015	Aktif	67
Architecture & Heritage	2015	Aktif	93
Animal Nutrition	2015	Aktif	185
3D Graphics Modeling	2016	Aktif	47
Technology Entrepreneurship	2016	Aktif	195
Falsafah Ilmu	2016	Aktif	189
3D Graphics Modeling II	2016	Aktif	5
Introduction to Materials Science	2016	Dalam pembangunan	0
Logistics and Distribution Management	2016	Dalam pembangunan	0
Animal Genetic	2017	Dalam pembangunan	0
Animal Nutrition II	2017	Aktif	2
Arabic al-Munawar	2017	Aktif	446
Architecture & Heritage II	2017	Aktif	0
Architecture Design Studio I	2017	Aktif	0
Basic of Finance	2017	Dalam pembangunan	0
Biodiversity	2017	Dalam pembangunan	22
Bioproduct II	2017	Dalam pembangunan	1
Chinese MOOC for Beginner	2017	Aktif	137
Get to Know Qualitative Research	2017	Dalam pembangunan	0
Food Bioprocessing	2017	Aktif	104
Interactive Media	2017	Dalam pembangunan	0
Introduction to Environmental Science	2017	Dalam pembangunan	1
Introduction to Materials Science II	2017	Dalam pembangunan	0
Issues in Product Development	2017	Dalam pembangunan	0
Kelas Pendidikan Pengguna Perpustakaan	2017	Aktif	1
Library User Education Class	2017	Dalam pembangunan	0
Media and Communication Ethics	2017	Subjek / Kursus Medlit	0
Penyuntingan Video Menggunakan Adobe Premiere	2017	Aktif	0



Plant Tissue Culture Technology	2017	Dalam pembangunan	0
Research Methodology in Entrepreneurship	2017	Aktif	334
Sinematografi	2017	Dalam pembangunan	0
Social Entrepreneurship in Malaysia	2017	Aktif	179
Technopreneurship UMK	2017	Aktif	195
Teknologi Multimedia Dalam Penziuman	2017	Aktif	52
Traditional dan Complementary Medicine	2017	Dalam pembangunan	0
Typography	2017	Dalam pembangunan	0
Pelancongan Budaya dan Warisan	2017	Aktif	0
UMKlementaryJapanese	2017	Dalam pembangunan	0
Aplikasi Komputer Dalam Rekabentuk	2018	Dalam pembangunan	0
Apresiasi Estetika	2018	Dalam pembangunan	0
Aquaculture Industry	2018	Aktif	0
Architecture & Heritage	2018	Aktif	5
Architecture Design Studio II	2018	Aktif	14
Bahasa Inggeris II	2018	Dalam pembangunan	1
Bahasa Jepun I	2018	Dalam pembangunan	0
Bahan Kimia Dalam Pertanian	2018	Dalam pembangunan	1
Bahasa Mandarin II	2018	Dalam pembangunan	1
Club Management	2018	Dalam pembangunan	0
Consumer Behavior in Health	2018	Dalam pembangunan	0
Ekologi Sumber Asli	2018	Dalam pembangunan	0
Falsafah Ilmu UMK	2018	Aktif	3204
Genetik dan Pembiakbakaan Haiwan	2018	Aktif	0
Geomortologi	2018	Dalam pembangunan	0
History of Architecture	2018	Aktif	0
Industri Ruminan	2018	Aktif	0
Introduction to Tourism Industry	2018	Aktif	0
Introduction to Hospitality	2018	Dalam pembangunan	0
Jaminan Makanan	2018	Dalam pembangunan	0
Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Saintifik	2018	Dalam pembangunan	0
Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia	2018	Aktif	0
Kesihatan Awam dan Populasi Perubatan	2018	Aktif	0
Kesihatan Perubatan Awam dan Populasi	2018	Dalam pembangunan	0
Keusahawanan Sosial	2018	Dalam pembangunan	0
Magnum Opus Melayu	2018	Dalam pembangunan	0
Metalurgi	2018	Dalam pembangunan	0



Nurseri dan Hotikultur	2018	Dalam pembangunan	0
Nutrition dan Health	2018	Dalam pembangunan	1
Pengenalan Kepada Geosains	2018	Dalam pembangunan	2
Pengenalan Kepada Saisn Perhutanan	2018	Dalam pembangunan	0
Pengeringan dan Pengawetan Kayu	2018	Dalam pembangunan	0
Pengurusan dan Perancangan Alam Sekitar	2018	Dalam pembangunan	0
Pengurusan Harta Intelek	2018	Dalam pembangunan	0
Pengurusan Sisa Buangan Industri	2018	Dalam pembangunan	0
Penyakit Haiwan Esotik	2018	Dalam pembangunan	0
Penyuntingan Video Menggunakan Adobe Priemere II	2018	Dalam pembangunan	0
Prinsip Pengurusan Projek	2018	Aktif	0
Rekabentuk Pencahayaan	2018	Dalam pembangunan	0
Rekabentuk Portfolio	2018	Dalam pembangunan	0
Restaurant and Food Service Management	2018	Dalam pembangunan	0
Sejarah dan Teori Senibina	2018	Dalam pembangunan	0
Skrip dan Papan Cerita	2018	Dalam pembangunan	32
Technopreneurship UMK II	2018	Aktif	204
Teknologi Bangunan	2018	Dalam pembangunan	0
Teknologi Pembangunan Produk Kosmetik	2018	Aktif	0
Teknologi Pengeluaran Hasil Pertanian	2018	Dalam pembangunan	0
Teori Rekabentuk	2018	Dalam pembangunan	0
Tourism Culture dan Heritage	2018	Dalam pembangunan	1
Travel and Tour Management	2018	Dalam pembangunan	0
Undang-undang Perniagaan	2018	Dalam pembangunan	1
Jumlah Pengguna eBAHAN MOOC (Luar & Dalam UMK)			5,722

Pasukan *MOOC* UMK telah diiktiraf sebagai *MOOC Consultant* di peringkat antarabangsa sebagai Pakar Rujuk Pembangunan *MOOC* melalui Projek MEDLIT For Social Change menerusi Geran Erasmus+ Europe 2016 – 2018. 3 pasukan Pakar Rujuk *MOOC* UMK terdiri daripada 12 orang Pakar *MOOC* ke Thailand, Vietnam dan Malaysia. Pasukan ini telah menyumbang kepakaran dalam pembangunan *MOOC* di empat (4) buah universiti luar negara iaitu :

- Chulalongkorn University, Thailand
- SW University, Thailand
- Academy of Journalism & Communication (AJC), Hanoi, Vietnam
- University of Social Science & Humanities, Ho Chi Minh, Vietnam



Prof. Madya Dr. Suria binti Baba telah dijemput sebagai *Invited Speaker* selaku *MOOC Expert* daripada *Technical MOOC* pada *MOOC Launch* anjuran *Media Literacy Project Team* di *Academy of Journalism and Communication*, (Hanoi) dan *University of Social Sciences and Humanities* (Ho Chi Minh City), Vietnam.



Blended Learning

Pelaporan pencapaian *Blended Learning* bagi Semester Februari 2017/2018 dan Semester September 2018/2019 telah melibatkan 651 kursus melalui platform eCampus daripada 768 kursus yang ditawarkan. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan bahawa 85% daripada jumlah kursus telah terlibat dengan blended learning. Pihak Pusat ePembelajaran Malaysia juga telah melaporkan bahawa, UMK telah mencapai tempat

ke-2 daripada 20 Universiti Awam (UA) untuk peratusan 84.5% bagi pelaksanaan *blended learning* sesi 2017/2018.





Pengiktirafan/ Penganugerahan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran

NAMA PENGIKTIRAFAN/PENGANUGERAHAN	PERINGKAT	PENCAPAIAN
K-Novasi Pengajaran Dan Pembelajaran 2018 (K-Novasi 2018) <ul style="list-style-type: none">Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran	Kebangsaan	2 Emas 1 Perak 6 Gangsa
Malaysia Technology Expo (MTE) 2018 <ul style="list-style-type: none"><i>Invention And Innovation Awards</i>	Kebangsaan	1 Perak 1 Gangsa
<i>International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2018</i>		
<ul style="list-style-type: none">Kategori Anugerah: <i>Oustanding E-Learning Product Award</i>	Antarabangsa	Pemenang Anugerah Oustanding E-Learning Product Award
<ul style="list-style-type: none">Kategori Pertandingan: <i>Invention, Innovation And Design On E-Learning (IIDEEL)</i>		6 Emas 3 Perak 6 Gangsa
Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018 (AKRI 2018) <ul style="list-style-type: none">Kategori Kategori Pengajaran Pembelajaran Imersif Maya	Kebangsaan	Pemenang Kategori Pengajaran Pembelajaran Imersif Maya
Visiting Research Professor berkaitan Alternative Assessment dan <i>eAssessment</i> di <i>University of Helsinki, Finland</i> <ul style="list-style-type: none">Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba	Antarabangsa	Jemputan sebagai Visiting Research Professor

PENGAMBILAN PELAJAR BARU PRASISWAZAH

Dasar Pengambilan Pelajar Lepas STPM/Setaraf

Dasar Pengambilan Pelajar yang dilaksanakan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi (BPKP, JPT) menyelaraskan 20 buah UA bagi pengurusan pengambilan September. Kaedah pemusatan pengambilan adalah untuk mewujudkan satu pengkalan data yang berpusat di Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Tinggi) diamalkan di 20

Universiti Awam seluruh Malaysia. Keputusan pemilihan pelajar ke UA pula adalah melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama di antara JPT dan UA.



Populariti Pilihan Program UMK

Populariti program yang menjadi pilihan calon semasa membuat permohonan UPU Online sentiasa dijadikan sebagai rujukan kepada tahap penerimaan dan minat pelajar terhadap sesebuah program pengajian yang ditawarkan di sesebuah Universiti Awam. Selari dengan perkembangan dan peningkatan bilangan program yang ditawarkan di UMK, terdapat peningkatan dari aspek populariti permohonan ke program-program pengajian yang ditawarkan.

Populariti Program ialah kekerapan program menjadi pilihan pelajar. Jumlah program UMK yang dipilih dari pilihan 1 hingga 4 ialah 3,504. Jumlah ini adalah kurang dari Populariti Program UMK Sesi Akademik 2017/2018.

PILIHAN	POPULARITI PROGRAM		
	2016/2017	2017/2018	2018/2019
1-4	4,716	4,745	3,504
1-12	19,685	17,535	15,468

Jadual a menunjukkan perbandingan Populariti Program UMK dari Sesi Akademik 2016/2017 hingga 2018/2019:

PROGRAM	2016/17	2017/18	2018/19
Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian	262	397	323
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian	390	330	291
Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) Dengan Kepujian	362	239	203
Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik & Perniagaan Pengedaran) Dengan Kepujian	402	323	302
Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) Dengan Kepujian	226	175	137
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Dan Kewangan Islam) Dengan Kepujian	663	460	489
Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian	142	597	469
Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) Dengan Kepujian	360	281	175
Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) Dengan Kepujian	340	289	176
Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) Dengan Kepujian	125	101	65
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) Dengan Kepujian	60	43	52
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) Dengan Kepujian	87	49	46
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) Dengan Kepujian	10	18	13
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) Dengan Kepujian	39	49	56



Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) Dengan Kepujian	89	54	30
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) Dengan Kepujian	35	16	21
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) Dengan Kepujian	16	16	9
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) Dengan Kepujian	35	29	41
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) Dengan Kepujian	7	16	15
Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) Dengan Kepujian	11	17	20
Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina Dengan Kepujian	259	216	99
Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman Dengan Kepujian	240	227	48
Sarjana Muda Senibina Landskap Dengan Kepujian	0	179	51
Doktor Perubatan Veterinar	556	624	373
Jumlah	4,716	4,745	3,504

Jadual b: Perbandingan Populariti Jumlah Permohonan Pilihan Pertama Hingga Empat Ke Program-Program Pengajian UMK Dari Tahun 2016 Hingga 2018

Secara keseluruhan, jumlah permohonan ke 24 program yang ditawarkan di UMK melalui 12 pilihan keutamaan bagi sesi akademik 2018/2019 adalah berjumlah 15,468 menurun 12% daripada sesi sebelumnya yang mencatatkan 17,535 permohonan. Sehingga tarikh tutup permohonan pelajar pada 10 April 2018, sejumlah 95,458 orang calon daripada kategori STPM, Matrikulasi KPM, PASUM, Asasi UiTM, Diploma/Setaraf dan STAM telah membuat permohonan melalui UPU Online.

KATEGORI	JUMLAH
Lepasan STPM (A & S)	33,197
Lepasan Matrikulasi KPM/PASUM/Asasi UiTM	25,186
Lepasan STAM	3,332
Lepasan Diploma	31,833
Jumlah	93,584

Jadual : Bilangan Permohonan Mengikut Kategori

Daripada 93,584 permohonan yang diterima, hanya 85,016 orang calon berjaya melepasi syarat kemasukan dan telah menerima tawaran. Sementara daripada jumlah 58,383 calon bagi kategori STPM, Matrikulasi KPM, PASUM, Asasi UiTM, 41% adalah daripada aliran Sains, dan 59% adalah daripada aliran Sastera.



Permohonan, Penawaran, Pendaftaran Pelajar Baharu

Universiti Malaysia Kelantan sebagai Institusi Awam di Malaysia telah melaksanakan proses pemilihan calon lepasan STPM/Setaraf dan Diploma/ Setaraf ke program-program pengajian peringkat Prasiswazah bagi sesi kemasukan 2018/2019 melalui sistem permohonan berpusat di peringkat BPKP, JPT KPM. Kemasukan ke UMK adalah melalui tiga (3) saluran iaitu menerusi UPU, luar sistem dan Asasi Sains UMK MARA. Jadual 3 menunjukkan rumusan tawar dan daftar mengikut permohonan menerusi UPU, luar sistem dan Asasi Sains UMK MARA bagi kemasukan pelajar baharu semester September Sesi Akademik 2018/2019: Unjuran keseluruhan tempat yang disediakan di 20 Universiti Awam adalah berjumlah 72,374 untuk semua kategori kemasukan dan aliran. Daripada jumlah ini, sejumlah 62,322 calon telah ditawarkan tempat ke 20 UA. Bagi Sesi Akademik 2018/2019, UMK telah mengunjurkan sejumlah 4,000 tempat atau 5.5% daripada unjuran pengambilan ke Universiti Awam bagi sesi 2018/2019, untuk mengikut 24 program pengajian yang ditawarkan di lapan (8) buah fakulti. Daripada 4,000 jumlah tempat yang diunjurkan, sebanyak 3,463 tawaran telah dikeluarkan.

Pendaftaran kemasukan pelajar baharu berlangsung dalam dua (2) sesi pendaftaran iaitu pada 02 September 2018 bagi saluran perdana dan 18 September 2018 bagi saluran rayuan. Seramai 2,308 orang calon daripada 3,463 tawaran yang dikeluarkan telah hadir mendaftarkan diri di UMK sehingga 01 Oktober 2018. Kehadiran pelajar baharu pada sesi kemasukan September 2018/2019 telah menjadikan enrolmen pelajar Universiti Malaysia Kelantan berjumlah 8,338 sehingga 01 Oktober 2018.

Daripada jumlah 3,463 tempat yang ditawarkan juga, 81% atau 2,804 daripadanya telah diprajayakan secara merit melalui sistem komputer.

Peningkatan prajaya secara merit secara keseluruhan menjadi indikator kepada peningkatan jumlah permohonan pelajar ke program pengajian yang berada dalam pilihan calon semasa mengemukakan permohonan. Perkembangan ini juga menunjukkan bahawa kesedaran kepada pematuhan keperluan kualiti kelayakan akademik oleh calon untuk ke program berkenaan semakin meningkat. Daripada 3,463 orang calon yang ditawarkan, 2,308 orang pelajar telah hadir mendaftarkan diri semasa sesi pendaftaran pada 2 September 2018 dan sesi pendaftaran rayuan fasa 2 pada 18 September 2018. Jadual di bawah menunjukkan rumusan tawar dan daftar mengikut permohonan menerusi UPU, luar sistem dan Asasi Sains UMK MARA bagi kemasukan pelajar baharu semester September Sesi Akademik 2018/2019:

UPU			LUAR SISTEM			ASASI SAINS UMK MARA		
TAWAR	DAFTAR	PERATUS DAFTAR BERBANDING TAWAR	TAWAR	DAFTAR	PERATUS DAFTAR BERBANDING TAWAR	TAWAR	DAFTAR	PERATUS DAFTAR BERBANDING TAWAR
3,233	2,140	66%	143	103	72%	78	65	83%

Secara perbandingan, jadual berikut menunjukkan perbandingan statistik unjuran, prajaya, penawaran dan mendaftarkan sepanjang sesi kemasukan 2016/17 hingga 2018/19.



	2018/2019	2017/2018	2016/2017
Unjuran	4,000	2,447	2,471
Prajaya UPU	2,804	1,864	1,786
UPU + Luar Sistem	3,463	2,315	2,623
Mendaftar	2,308	1,982	1,819

Jadual Perbandingan Statistik Unjuran, Prajaya, Penawaran Dan Mendaftar Sepanjang Sesi Kemasukan 2016/2017 Hingga 2018/2019

DAFTAR					
STPM/ STPM SETARAF	MATRIK/ ASASI	DIPLOMA/ DIPLOMA SETARAF	STAM	ASASI SAINS UMK MARA	A-LEVEL
1,515	283	278	165	65	2
66%	12%	12%	7%	3%	0%
2,308					

Jadual : menunjukkan rumusan statistik daftar mengikut saluran kelayakan:

Pelajar lepasan program Matrikulasi/Asasi menjadi penyumbang terbesar kepada calon aliran sains yang mendapat tawaran kemasukan ke program-program pengajian di UMK. Sementara bagi pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah merupakan penyumbang terbesar kepada kemasukan pelajar calon aliran sastera.

Pengambilan Pelajar Baharu Pascasiswazah

FAKULTI	SARJANA (MOD PENYELIDIKAN)	DOKTOR FALSAFAH	JUMLAH
FBKT	3	7	10
FHPK	6	5	11
FIAT	12	5	17
FKP	8	30	38
FPV	5	2	7
FSB	6	3	9
FTKW	11	9	20
PBI	6	9	15
FAE	1	0	1
Jumlah Keseluruhan	58	70	128

Jadual : Pengambilan Pelajar Baharu Pascasiswazah Sesi Akademik 2017/2018

FAKULTI	2013	2014	2015	2016	2017
FBKT	2	2	4	6	11
FHPK	1	0	2	10	6
FIAT	12	17	13	9	20
FKP	41	25	49	55	51
FPV	11	5	7	8	7
FSB	5	14	3	11	16
FTKW	9	6	18	13	16
PBI	18	11	10	30	18
FAE	0	0	0	0	1
Jumlah	99	80	106	142	146

Jadual : Pengambilan Pelajar Pascasiswazah Sesi Akademik 2013/2014 Hingga 2017/2018



Program Akademik Peringkat Pascasiswazah

Bagi memperkasa dan melonjakkan tahap penyelidikan ke tahap yang lebih tinggi, UMK telah menawarkan 12 Program di peringkat Sarjana dan Kedoktoran secara mod penyelidikan. Manakala, dua (2) lagi program dijalankan secara kerja kursus iaitu program Sarjana Pentadbiran Perniagaan/*Master of Business Administration* (MBA) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan/*Doctor of Business Administration* (DBA). Sejumlah 42 bidang penyelidikan ditawarkan di peringkat pascasiswazah semenjak tahun 2008 sehingga 2018.

PROGRAM	BIDANG KAJIAN	DITAWARKAN OLEH
Sarjana Keusahawanan/ Doktor Falsafah	1. Pengurusan 2. Kewangan 3. Perakaunan 4. Peruncitan 5. Perdagangan 6. Keusahawanan (Bidang Kajian ini adalah untuk program Doktor Falsafah Sahaja)	FKP
	7. Keusahawanan Kesihatan 8. Hospitaliti 9. Pelancongan	FHPK
	10. Pengajian Warisan 11. Tekstil dan Fesyen 12. Rekabentuk Produk 13. Multimedia 14. Komunikasi Visual	FTKW
Sarjana Sastera/Doktor Falsafah	15. Pengajian Sejarah dan Peradaban 16. Pembangunan dan Pendidikan Nilai 17. Psikologi Industri Organisasi 18. Agama dan Kontemporari 19. Kerja Sosial 20. Pengajian Bahasa 21. Komunikasi	PBI
	22. Teori dan Sejarah Senibina	FAE
Sarjana Sains/Doktor Falsafah	23. Patologi 24. Nutrisi 25. Anatomi 26. Mikrobiologi 27. Parasitologi 28. Fisiologi	FPV
Sarjana Sains/Doktor Falsafah	29. Geosains 30. Pengurusan Sumber Asli 31. Sains Kelestarian	FSB



Sarjana Sains/Doktor Falsafah	32. Keusahawanan Teknologi Pertanian 33. Bioteknologi Pertanian 34. Teknologi Pembangunan Produk 35. Sains Peternakan 36. Jaminan Makanan 37. Sains Matematik 38. Akuakultur	FIAT
	39. Teknologi Bioindustri 40. Teknologi Bahan 41. Teknologi Sumber Hutan 42. Teknologi Tenaga	FBKT

Jadual : Program pengajian peringkat pascasiswazah (mod penyelidikan) yang ditawarkan oleh UMK pada tahun 2018

PEMBANGUNAN DAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM AKADEMIK

Program Prasiswazah

Sebanyak 24 Program Akademik Peringkat Prasiswazah ditawarkan oleh UMK melalui 8 buah Fakulti. 18 daripada 24 Program Akademik Prasiswazah yang ditawarkan dan telah matang penawarannya telah mendapat akreditasi penuh daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan disenaraikan di Laman Web Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) yang juga membawa maksud kepada Pengiktirafan Kerajaan Malaysia dan akan disyorkan nilai taraf perkhidmatan awam berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan awam.

BIL	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM MQA
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN (FKP)		
1	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian	MQA/FA 4824
2	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Penedaran) dengan Kepujian	MQA/FA 5880
3	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian	MQA/FA 5882
4	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan Kepujian	MQA/FA 5881
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV)		
5	Doktor Perubatan Veterinar	MQA/FA 4931
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN (FTKW)		
6	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian	MQA/FA 11372



7	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian	MQA/ FA 11373
FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI (FIAT)		
8	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian	MQA/FA 4888
9	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian	MQA/FA 4890
10	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kepujian	MQA/FA 10466
FAKULTI SAINS BUMI (FSB)		
11	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian	MQA/FA 4265
12	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian	MQA/FA 4266
13	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian	MQA/FA 10465
FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN (FHPK)		
14	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian	MQA/FA 4821
15	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian	MQA/FA 4822
16	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian	MQA/FA 4823
FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (FBKT)		
17	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian	MQA/FA 4889
